



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI KHAMIS: 9 MAC 2017

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 11 HINGGA NO. 81)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PROF. DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]

TARIKH : 9.3.2017 (KHAMIS)

Prof. Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI PEDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah premis yang diperiksa sepanjang 2016 bagi membendung penyeludupan minyak masak dan apakah dengan pemeriksaan tersebut telah mengurangkan kos minyak masak yang diseludup secara haram.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah premis yang diperiksa sepanjang tahun 2016 ialah sebanyak 220,569 premis yang melibatkan 2,600 pegawai penguatkuasa di seluruh negara. Premis-premis yang diperiksa adalah meliputi pemborong, syarikat pembungkus, hypermarket, supermarket, mini market dan kedai runcit yang mengedar dan menjual minyak masak.

Isu-isu berkaitan penyeludupan adalah di bawah bidang kuasa Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) berperanan membentaras penyelewengan minyak masak bersubsidi untuk menghalang aktiviti-aktiviti penyeludupan.

Pemeriksaan yang dilakukan sepanjang tahun 2016 telah menghasilkan 99 kes penyelewengan minyak masak di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan nilai rampasan pula adalah sebanyak RM797,351.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN

TARIKH : 9.3.2017

SOALAN : NO. 12

Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian bagi meringankan tanggungan penuntut-penuntut universiti di dalam negara yang mengalami berbagai kesempitan hidup.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat prihatin dan sentiasa mengambil berat ke atas hal ehwal kebajikan pelajar di semua Institut Pendidikan Tinggi (IPT). Ia termasuklah jalinan kerjasama yang cukup erat dengan universiti-universiti tempatan dalam memastikan langkah-langkah proaktif dapat diambil bagi membantu meringankan beban kos sara diri mahasiswa sepanjang mereka berada di IPT.

Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kewangan bagi tujuan tersebut termasuk memberi Baucar Buku 1Malaysia, Kad Siswa, sumbangan zakat, tabung kebajikan, biasiswa dan pinjaman. Ia tidak termasuk 18 bentuk penajaan biasiswa dan bantuan kewangan lain yang turut disediakan untuk para pelajar yang berkelayakan dari peringkat sijil hinggalah ke pasca kedoktoran. Kelayakan yang dimaksudkan adalah

memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti merit akademik, ko-kurikulum dan latar belakang sosioekonomi keluarga pemohon dari seluruh Malaysia.

Selain KPT, terdapat juga pihak-pihak lain yang turut sama menyediakan penajaan kepada pelajar melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Yayasan-Yayasan Negeri dan agensi berkaitan Kerajaan seperti PETRONAS, Yayasan Tenaga Nasional, Yayasan Telekom, Bank Negara Malaysia dan Khazanah Nasional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Awam (UA) juga melaksanakan pelbagai pendekatan membantu kumpulan pelajar yang mengalami kesempitan kewangan, termasuklah memperkenalkan program-program 'menu bajet' sebagai contoh di USIM melalui program 'menu ihtimam', Cheap Meal 4U di UMP, program *suspended meal* di UPM dan UPSI, dan sebagainya.

Selain daripada itu, para pelajar IPT termasuk juga di Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTTS) juga diberi peluang untuk menjana pendapatan sendiri, melalui pelbagai langkah termasuk galakan penyertaan mereka membuka premis-premis perniagaan dalam kampus, selain diberi kelonggaran bekerja secara sambilan dalam mempraktikkan amalan keusahawanan dalam diri mereka sepanjang berada di dalam kampus.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 9 MAC 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]

SOALAN :

YB DATUK HAJI MOHD FASIAH BIN MOHD FAKEH [SABAK BERNAM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan melaksanakan program pembangunan yang mengutamakan golongan rakyat berpendapatan rendah bagi memastikan mereka turut menerima manfaat pembangunan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pembangunan secara inklusif dilaksanakan oleh Kerajaan adalah bertujuan memastikan akses yang saksama kepada penyertaan dalam ekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia. Pendekatan ini memastikan tiada kumpulan masyarakat yang akan tercicir daripada mendapat peluang dan manfaat pertumbuhan ekonomi tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi, dan kedudukan geografi. Ini terbukti melalui pengurangan kadar kemiskinan daripada 49.3% pada tahun 1970 kepada 0.6% pada tahun 2014.

Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), usaha pembangunan secara inklusif diteruskan Kerajaan dengan fokus diberikan kepada golongan mudah terjejas (*vulnerable*), khususnya isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) yang merangkumi isi rumah berpendapatan rendah dan isi rumah berpendapatan menengah rendah.

Inisiatif program sepanjang RMKe-11 adalah berdasarkan keperluan (*needs-based*) yang mencakupi pelbagai dimensi melalui strategi berikut:

PERTAMA: Membina Keupayaan dan Meningkatkan Potensi Menjana Pendapatan Melalui Pendidikan dan Latihan Kemahiran;

KEDUA: Pembangunan Keusahawanan;

KETIGA: Meningkatkan Pemilikan Kekayaan dengan memperluaskan peluang pelaburan dan saham amanah seperti Amanah Saham Wawasan (ASW) dan Amanah Saham Gemilang (ASG) yang dilaksanakan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) serta Amanah Saham Hartanah yang dilaksanakan oleh Pelaburan Hartanah Berhad (PHB);

KEEMPAT: Menangani Kos Sara Hidup Yang Meningkat, dengan antara lainnya:

- meningkatkan penyediaan rumah mampu milik;
- meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan seperti Klinik 1Malaysia, Klinik Bergerak 1Malaysia dan Perkhidmatan *Flying Doctors*, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman; dan
- memperkenalkan bantuan sokongan bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat seperti Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Program Penurunan Harga, Program 1Harga 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia dan Kedai COOP 1Malaysia.

KELIMA: Menangani Keperluan Kumpulan Sasar Khusus seperti warga emas, ibu tunggal, masyarakat Orang Asli serta Bumiputera Sabah dan Sarawak untuk meningkatkan peluang dan memperkukuh keupayaan mereka berfungsi dalam aktiviti ekonomi.

KEENAM: Memperkukuh Sistem Penyampaian Program Isi Rumah B40 dengan menaikkan sistem pangkalan data eKasih untuk turut mengambil kira maklumat pendapatan dan keperluan golongan mudah terjejas dan berkeperluan khusus, dalam kalangan isi rumah

berpendapatan 40 peratus terendah (B40), di samping maklumat golongan miskin dan miskin tegar yang sedia ada kini.

Sekian, terima kasih.

9 Mac 2017

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]

TARIKH : 9.3.2017

SOALAN :

Tuan Teo Kok Seong [Rasah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) status terkini mengenai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) oleh Kerajaan Malaysia; dan
- (b) Timbalan Menteri Pendidikan YB Senator Chong Sin Woon telah mengeluarkan kenyataan pada 4 Disember 2016 bahawa semua isu teknikal pengiktirafan UEC telah diselesaikan dan cuma menanti keputusan kabinet, agak bilakah Kerajaan akan mengumumkan pengiktirafan sijil UEC.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan (a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu berkaitan pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC) perlu dilihat serta difahami secara menyeluruh dalam konteks Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Dasar Pendidikan Kebangsaan merupakan dasar yang dilaksanakan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Pelaksanaannya adalah menerusi satu

sistem pendidikan kebangsaan yang memperuntukkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama, Kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang sama. Pendidikan yang diberikan adalah pelbagai dan komprehensif skopnya bagi memenuhi keperluan negara, serta memupuk perpaduan Negara melalui pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara.

Manakala UEC pula adalah peperiksaan yang dikendalikan oleh badan persendirian menerusi jawatankuasanya yang terdiri daripada Gabungan Kesatuan Pengelola Sekolah Cina Malaysia, Gabungan Kesatuan Guru Sekolah Cina dan Kesatuan Alumni Sekolah Cina.

Sehubungan dengan itu, pendirian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah jelas bahawa semua sistem pendidikan yang hendak dilaksanakan di Negara kita perlu berlandaskan Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. Dalam hal ini, UEC didapati tidak akur terhadap kehendak Dasar Pendidikan Kebangsaan seperti yang diperuntukkan di bawah akta tersebut.

Sungguhpun begitu, Kementerian Pendidikan Malaysia menerima bahawa kedudukan Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) dan sijil UEC masih kekal *status quo*nya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK AGO ANAK
DAGANG @ AARON [KANOWIT]**

TARIKH : 9 MAC 2017

SOALAN :

YB Datuk Ago Anak Dagang @ Aaron [Kanowit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status dan kejayaan program "perimeter survey" ke atas tanah adat asal (NCR land) semenjak ianya dilaksanakan di Sarawak.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan kerja-kerja pengukuran tanah NCR di Sarawak dilaksanakan oleh Jabatan Tanah dan Survei (JTS) Sarawak. **Usaha-usaha pengukuran** perimeter tanah NCR ini dilaksanakan **secara berterusan** dengan komitmen untuk memberi hak milik tanah kepada individu yang layak.

Kerajaan Persekutuan mula memberi peruntukan bagi pelaksanaan pengukuran tanah NCR Sarawak dalam **Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)**. Sebanyak **RM83.99 juta** telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Di bawah **Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)** pula, siling peruntukan sebanyak **RM90 juta** telah disediakan bagi meneruskan kerja-kerja pengukuran NCR Sarawak.

Sejak dimulakan sehingga 31 Januari 2017, sejumlah 765,629 hektar tanah telah selesai diukur perimeter dan 610,339 hektar tanah telah diwartakan dan seramai 5,706 individu telah diberi hak milik meliputi 7,649 hektar.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO- LEUNG [ALOR SETAR]

TARIKH : 9.3.2017

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao- Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementeriannya telah meluluskan permohonan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Sin Min di Alor Setar, untuk peruntukan RM200,000 yang sangat diperlukan untuk membaiki sekolah tersebut, dan sekiranya sudah, bilakah wang ini akan diberikan kepada sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Maaysia telah meluluskan peruntukan Penyelenggaraan tahun 2017 kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Sin Min, Alor Setar sebanyak iaitu RM60,000.00 bagi membaik pulih bumbung, siling kantin dan lantai pejabat serta menaik taraf tandas. Agihan peruntukan tersebut termasuk dalam senarai agihan peruntukan SJKC yang diberikan secara berperingkat-peringkat mengikut negeri bermula pada 26 Februari 2017.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
TARIKH : 9.3.2017
SOALAN : NO. 17

Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan penubuhan lebih banyak lagi kolej dan institusi pengajian tinggi di negeri Sabah bagi melahirkan modal insan dan tenaga kerja mahir serta profesional bagi menyokong pembangunan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mahupun cawangannya dibuat berdasarkan keperluan strategik negara dengan mengambil kira kemampuan pembiayaan Kerajaan, kepentingan bidang tujahan, keperluan pembangunan sosio-ekonomi dan keperluan sumber tenaga yang diperlukan dalam pasaran kerja.

Bagi negeri Sabah, terdapat sebanyak 13 IPTA telah dibangunkan seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Sabah, 2 buah Politeknik masing-masing di Kota Kinabalu dan Sandakan, serta 9 Kolej Komuniti contohnya di Semporna, Penampang dan Kota Marudu.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga merancang untuk mewujudkan 2 lagi IPTA di Sabah iaitu Politeknik MeTro Tawau dan Kolej Komuniti Papar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2017, terdapat juga sebanyak 26 buah Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) berdaftar di Sabah termasuk 2 daripadanya merupakan IPTS bertaraf Kolej Universiti, menjadikan jumlah keseluruhan IPT di Sabah adalah sebanyak 39 buah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah di belanjakan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk pelaksanaan sistem pengangkutan "MyBas" di Negeri Perak. Apakah rancangan jangkamasa panjang pelan pembangunan untuk sistem perkhidmatan yang lebih bersepadu dan liputan rangkaian yang lebih baik di Negeri Perak.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak ia mula beroperasi pada 1 Jun 2016, data operasi perkhidmatan MyBas Ipoh di bawah program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-Henti (*Stage Bus Services Transformation - SBST*) menunjukkan sambutan yang amat menggalakkan dengan jumlah pengguna mencecah 116,705 penumpang sebulan berbanding 86,263 penumpang pada bulan pertama ia beroperasi sepenuhnya.
2. Kerajaan sedar akan kepentingan untuk mempunyai perancangan strategik bagi memastikan pembangunan sistem perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih bersepadu agar dapat dimanfaatkan oleh rakyat secara optimum. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah diberi tanggung jawab untuk membangunkan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) Wilayah.
3. Bagi tujuan ini, SPAD telah memulakan kajian RIPAD bagi Wilayah Selatan, Utara dan Timur pada Disember 2016. Rancangan Induk ini akan mengandungi dasar dan rancangan, termasuk skim dan program bagi pengangkutan awam darat, berdasarkan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara yang telah diumumkan pada Oktober 2013.

4. Perancangan pengangkutan yang bersepadu bagi negeri Perak akan dirangkumkan dalam RIPAD Wilayah Utara dimana kajian tapak dirancang pada suku tahun pertama 2017. Kajian dijadualkan siap dalam tempoh setahun. RIPAD akan dijadikan hala tuju bagi mengenalpasti mod pengangkutan awam terbaik dan praktikal yang diperlukan di negeri Perak serta memastikan kesalinghubungan dan bersepadu antara mod pengangkutan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 9.3.2017

SOALAN :

Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan kewangan yang telah diperuntukkan untuk menaik taraf sekolah-sekolah di negeri Sarawak/Sabah sejak tahun 2013. Nyatakan bilangan sekolah rendah/menengah yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan kewangan yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menaik taraf sekolah-sekolah di Sabah sejak tahun 2013 hingga tahun 2016 adalah sebanyak RM62.3 juta yang melibatkan 363 sekolah rendah dan 105 buah sekolah menengah.

Manakala bagi Negeri Sarawak pula, sebanyak RM30.6 juta telah diperuntukkan untuk tujuan yang sama sejak tahun 2013 hingga tahun 2016 melibatkan 944 buah sekolah rendah dan 214 sekolah menengah.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 9.3.2017

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan dan peratusan guru dari Semenanjung Malaysia yang sekarang berkhidmat di negeri Sarawak. Apakah mata pelajaran yang diajarkan oleh guru-guru tersebut yang berasal dari Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 22 Februari 2017 seramai 41,614 orang guru yang sedang berkhidmat di Sarawak dan daripada jumlah tersebut seramai 7,834 (18.8 peratus) merupakan guru-guru dari Semenanjung. Antara mata pelajaran yang diajar oleh guru dari Semenanjung adalah Pendidikan Islam (18 peratus), Bahasa Melayu (18 peratus), Matematik (11 peratus), Bahasa Inggeris (10 peratus), Sains (6 peratus), Bahasa Arab (6 peratus), Prasekolah (4 peratus). Sejarah (3 peratus), Kemahiran Hidup; Pertanian, Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga (2 peratus), Bahasa Arab Komunikasi (1 peratus), Pendidikan Al Quran dan Sunnah (1 peratus), Mata Pelajaran Pendidikan Vokasional (1 peratus), Pendidikan Vokasional Menengah Atas (1 peratus), Tasmik (1 peratus), Pendidikan Asas Vokasional (1 peratus) dan lain-lain mata pelajaran (8 peratus).

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Datuk Bung Moktar Bin Radin
[Kinabatangan]**

TARIKH : 9 Mac 2017 (Khamis)

SOALAN : Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah-langkah konkrit dalam memastikan negara berupaya menjadi sebuah negara berstatus "*Self Sufficient*" dalam sektor makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian Indeks Jaminan Bekalan Makanan Global tahun 2016 (*The Global Food Security Index – GFSI*) yang dijalankan oleh *The Economist Intelligence Unit*, Malaysia telah diletakkan di tangga ke-35 daripada 113 buah negara. Jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN lain dalam senarai GFSI, kedudukan Malaysia adalah di tangga ke-35, iaitu di bawah Singapura yang berada pada kedudukan ke-3, tetapi mendahului kedudukan negara Thailand (ke-51), Vietnam (ke-57), Indonesia (ke-71), Filipina (ke-74), Myanmar (ke-80), Cambodia (ke-89) dan Laos (ke -103). Jaminan bekalan makanan atau *food security* sesebuah negara akan tercapai apabila 4 komponen berikut dipenuhi:

- (i) ketersediaan (*availability*) bekalan makanan bagi memenuhi permintaan. Penawaran bekalan boleh dicapai sama ada melalui pengeluaran dalam negara, import dan simpanan stok;
- (ii) akses (*accessibility*) iaitu capaian fizikal terhadap bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehinya (*affordability*);
- (iii) keselamatan dan khasiat (*safety and nutrition*) di mana bekalan makanan perlu dipastikan selamat dan berkhasiat; dan
- (iv) kestabilan (*stability*) iaitu bekalan makanan boleh diperolehi pada setiap masa

Dalam hubungan ini, bagi mengukuhkan jaminan bekalan makanan negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) terus meningkatkan pengeluaran dalam negara bagi menampung bekalan dan meningkatkan SSL melalui:

- (i) pelaksanaan Projek Berimpak Tinggi seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani;
- (ii) pembangunan 4 kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baru;
- (iii) mengoptimumkan produktiviti pengeluaran hasil melalui penggunaan benih berhasil tinggi seperti benih padi MR220, CL2 dan MARDI 284, mekanisasi dan automasi; mengurangkan kerugian lepas tuai; serta peningkatan intensiti tanaman; dan
- (iv) menggalakkan penyertaan belia dan usahawan muda dalam bidang pertanian melalui Program Agroprenuer Muda.

Akses terhadap bekalan makanan dengan harga yang berpatutan ditingkatkan melalui pewujudan lebih banyak ruang pasaran langsung seperti Pasar Tani, Pasar Nelayan, MyFarm Outlet dan Agrobazaar Rakyat 1Malaysia. Dalam masa yang sama, tumpuan diberikan supaya hasil pengeluaran dalam negara adalah selamat dan bernutrisi dengan memperluaskan Amalan Pertanian Baik seperti persijilan MYGap, akreditasi halal serta meningkatkan mutu pengredan, pembungkusan dan pelabelan.

Kekurangan pengeluaran tempatan bagi memenuhi permintaan dalam negara juga ditampung melalui import bagi bahan makanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran *temperate*, gandum, gula dan sediaan gula.

Sungguhpun demikian, Kementerian terus melaksanakan strategi bagi memperbaiki imbalan dagangan makanan negara dan supaya tidak terlalu bergantung kepada import melalui:

- i) pelaksanaan projek agromakanan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dan potensi eksport yang baik di bawah program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu akuakultur, rumpai laut, sarang burung walit, herba, buah-buahan dan sayur-sayuran serta makanan proses premium;
- ii) pembangunan industri tenusu termasuk baka bagi mengurangkan import susu dan hasil tenusu; dan
- iii) pembangunan Industri Jagung Bijirin di kawasan-kawasan pertanian seperti di luar jelapang padi bagi menangani import makanan ternakan.

Pada tahun 2016, imbalan dagangan makanan negara adalah lebih baik di mana defisit telah berjaya dikurangkan kepada negatif RM16.6 bilion.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID
BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]
TARIKH : 9.3.2017 (KHAMIS)

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan pecahan lengkap nilai tahunan subsidi untuk pengguna berbanding korporat yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan antara 2000-2015 mengikut jenis barangan dan perkhidmatan atau sebarang kategori lain serta perbandingan dengan semua negara ASEAN.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Barangan yang diberikan subsidi oleh Kerajaan adalah gula, tepung gandum kegunaan am, minyak masak, gas petroleum cecair (LPG), minyak petrol RON95 dan diesel. Namun pada Oktober 2013, pemberian subsidi gula telah dimansuhkan manakala produk petroleum dan diesel pula telah diapungkan harganya menggunakan sistem *managed float* bermula dari Disember 2014.

Jumlah subsidi yang dibelanjakan bagi setiap barang kawalan berjadual mengikut tahun adalah seperti berikut:

- i) Subsidi gula sebanyak RM2.04 bilion (2009-2013);
- ii) Subsidi minyak masak sebanyak RM8.18 bilion (2008-2015);
- iii) Subsidi Tepung Gandum sebanyak RM1.25 bilion (2008-2015);
- iv) Subsidi LPG sebanyak RM20.89 bilion (2000-2014);
- v) Subsidi Diesel sebanyak RM74.04 bilion (2000-2014); dan
- vi) Subsidi Petrol sebanyak RM61.83 bilion (2004-2014).

Kementerian ini tidak mempunyai maklumat berhubung jumlah subsidi ke atas barangan di negara-negara ASEAN.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Anuar Bin Abd. Manap
[Sekijang]

TARIKH : 9 Mac 2017

SOALAN : Tuan Anuar Bin Abd. Manap [Sekijang] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah anggaran kerugian yang dialami petani di seluruh negara akibat banjir di beberapa kawasan pertanian utama negara baru-baru ini dan apakah bentuk bantuan yang akan disalurkan kepada golongan petani ini terutamanya kepada petani di daerah Segamat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan tinjauan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani selepas bencana banjir telah melanda beberapa kawasan di Malaysia pada bulan Disember 2016 dan Januari 2017, dianggarkan seramai 5,037 petani yang terjejas di 5 negeri iaitu negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor dan Selangor. Manakala anggaran kerugian yang dialami adalah sebanyak RM19,365,141.00 bagi keseluruhan kawasan yang terlibat. Bagi daerah Segamat, seramai 93 petani terjejas dan kerugian sebanyak RM1,037,300.00 direkodkan.

Antara bantuan yang boleh dipertimbang kepada petani adalah seperti bantuan ihsan merangkumi bantuan kerugian hasil padi, penanaman semula padi dan bantuan ihsan kepada pengusaha buah-buahan serta tanaman kontan, tertakluk sekiranya terdapat peruntukan khusus mengenainya.

NO. SOALAN : 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 9 MAC 2017

SOALAN :

YB. Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :

- (a) jumlah pelancong yang dapat dikenalpasti datang ke negara kita untuk tahun 2015 dan 2016, sila nyatakan negara asal mereka dan anggaran hasil yang dapat dipunggut dari mereka; dan
- (b) apakah usaha Kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara kita untuk tahun 2017.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2016, sejumlah 26,757,392 orang pelancong telah melawat Malaysia dengan peningkatan ketibaan sebanyak +4% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2015. Malaysia telah merekodkan perbelanjaan pelancong sebanyak RM82.1 bilion (+18.8%) dan peningkatan perbelanjaan per kapita sebanyak +14.2% atau RM3,068.2 berbanding tahun 2015. Statistik terperinci ketibaan pelancong asing dan anggaran perbelanjaan adalah seperti berikut:

Ketibaan Pelancong Asing Mengikut Negara Asal
Bagi Tempoh 2015 / 2016

No.	Negara Asal	2015	2016	Peratus Perubahan
1.	Singapura	12,930,754	13,272,961	2.6
2.	Indonesia	2,788,033	3,049,964	9.4
3.	China	1,677,163	2,124,942	26.7
4.	Brunei	1,133,555	1,391,016	22.7
5.	Thailand	1,343,569	1,780,800	32.5
6.	India	722,141	638,578	(11.6)

7.	Korea Selatan	421,161	444,439	5.5
8.	Filipina	554,917	417,446	(24.8)
9.	Jepun	483,569	413,768	(14.4)
10.	United Kingdom	401,019	400,269	(0.2)

Perbelanjaan Pelancong Asing Mengikut Negara Asal
Bagi Tempoh 2015 / 2016

No.	Negara Asal	Perbelanjaan Pelancong (RM juta)		
		2015	2016	Peratus Perubahan (%)
1.	Singapura	29,513.2	38,069.2	29.0
2.	Indonesia	6,643.0	8,821.5	32.8
3.	China	5,734.7	7,927.9	38.2
4.	Brunei	2,860.8	3,707.0	29.6
5.	Thailand	2,525.2	3,557.6	40.9
6.	India	2,591.6	2,658.2	2.6
7.	United Kingdom	1,766.1	1,836.3	4.0
8.	Australia	2,183.3	1,699.1	-22.2
9.	Korea Selatan	1,347.4	1,517.5	12.6
10.	Jepun	1,574.7	1,342.8	-14.7

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha Kementerian untuk menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia untuk tahun 2017 adalah dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan seperti berikut:

- a. Menggunakan keindahan produk-produk pelancongan sedia ada dengan menambah baik pakej-pakej pelancongan seperti "*Soothe and Inhale Clean Air Clean Air on the Beach*" dan "*Refresh in Tropical Rainforest*" bagi menarik minat pelancong khususnya dari pasaran China, India dan Timur Tengah.
- b. Mengkomersialkan budaya dan warisan seperti tarian, bangunan bersejarah, kraftangan dan sebagainya bagi meningkatkan pendapatan negara melalui pelancongan
- c. Menjadikan Malaysia sebagai lokasi penggambaran filem, dokumentari dan rancangan realiti antarabangsa. Ini sekaligus mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan.
- d. Mewujudkan pakej-pakej bersesuaian sempena sukan SEA Games yang akan berlangsung di Malaysia dan ulangtahun ke-50 ASEAN pada tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
(PADANG BESAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.03.2017

Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berdasarkan keluhan rakyat pada ketika ini semacam ada usaha pihak-pihak bank memilih pelanggan melalui kaedah tidak menerima permintaan pelanggan untuk membuka Akaun Simpanan mahu pun Akaun Semasa. Pelanggan suri rumah, pekerja sendirian dan pelajar begitu sukar untuk membuka akaun. Ini menimbulkan persepsi sangat negatif di kalangan rakyat dengan mereka mengaitkan kepada spekulasi perkara-perkara perekonomian serta lainnya. Perkara ini sewajar sekali dipantau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia (BNM) telah melaksanakan rangka kerja perkhidmatan perbankan asas semenjak tahun 2005 yang mana institusi kewangan dikehendaki untuk menawarkan akaun semasa asas dan akaun simpanan asas kepada semua warganegara Malaysia dan pemastautin tetap. Pemegang akaun akan mendapat akses kepada perkhidmatan perbankan asas secara percuma atau pada kos yang berpatutan, seperti pembukaan / pertanyaan akaun, pengeluaran wang, pemindahan dana, kemudahan pembayaran bil serta deposit cek dan tunai.

Selain itu, langkah berterusan terus diambil untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan, termasuk memperkenalkan ejen bank berdaftar (EB) yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2012 dan ditambah baik pada tahun 2015. EB dilantik oleh institusi kewangan untuk menyampaikan perkhidmatan kewangan dan perbankan asas, termasuklah membantu dalam proses pembukaan akaun. Setakat akhir tahun 2016, sebanyak 7,984 EB telah dilantik oleh institusi kewangan di seluruh Malaysia.

Keputusan institusi kewangan ke atas permohonan pembukaan akaun

simpanan dan akaun semasa adalah keputusan perniagaan yang diambil berdasarkan pertimbangan dan budi bicara setiap institusi kewangan. Secara amnya, institusi kewangan akan melaksanakan proses usaha wajar (*customers due diligence*) terhadap pelanggan dalam mewujudkan hubungan perniagaan dengan pelanggan.

Dalam hal ini, institusi kewangan mempunyai kriteria penilaian yang berbeza, dengan memberi pertimbangan kepada beberapa perkara, seperti berikut :

- (i) Identiti pemohon dan pemegang akaun;
- (ii) Tujuan pembukaan akaun;
- (iii) Pihak yang dibenarkan untuk mengendalikan akaun; dan
- (iv) Tatacara dan arahan pengendalian akaun.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : NURUL IZZAH BINTI ANWAR
KAWASAN : LEMBAH PANTAI
TARIKH BAHAS : 9 MAC 2017
NO. SOALAN : 26

NURUL IZZAH BINTI ANWAR minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- a) senarai SME dari Negara China yang telah menjalankan perniagaan di Malaysia; dan
- b) jumlah keuntungan yang diperoleh oleh Malaysia daripada perdagangan dua hala melibatkan SME dari Negara China dari tahun 2015 hingga Februari 2017.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

China merupakan antara sumber pelaburan langsung asing utama negara. Syarikat-syarikat seperti Ye Chiu Non-Ferrous Metal (M) Sdn Bhd (logam asas), Comtec Solar International (M) Sdn Bhd (industri solar), Jinko Solar Technology Sdn Bhd (industri solar), Ji Kang Dimensi (M) Sdn Bhd (logam asas), Xiamen University (perkhidmatan pendidikan), Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd. (ICT) dan CSR Rolling Stock (M) Sdn Bhd. adalah di antara syarikat China yang telah melabur di Malaysia.

Prestasi pelaburan dari China adalah memberangsangkan. Pada tahun 2016 pula, pelaburan dalam sektor pembuatan yang diluluskan dari China berjumlah RM4.8 bilion berbanding RM1.9 bilion pada tahun 2015. Pelaburan ini melibatkan 33 projek dan dijangka akan menyumbang 10,147 peluang pekerjaan. Industri E&E juga masih merupakan industri penyumbang terbesar dari Negara China dengan 8 projek yang diluluskan yang mempunyai jumlah pelaburan sebanyak RM1.8 bilion (37.0 peratus). Ianya diikuti oleh industri produk mineral bukan logam dengan 4 projek yang diluluskan bernilai RM1.4 bilion (30.0 peratus), satu projek industri produk logam asas bernilai RM1.3 bilion (27.0 peratus), industri kayu & produk kayu dengan 4 projek yang diluluskan bernilai RM40.2 juta (1.0 peratus), industri Kertas, percetakan & penerbitan dengan 3 projek yang diluluskan bernilai RM24.2 juta (0.5 peratus) dan sebagainya.

Pelaburan sejumlah RM1.9 bilion pada tahun 2015 yang diluluskan dari

China melibatkan 17 projek dan dijangka akan menyumbang kepada 5,127 peluang pekerjaan.

Dari segi perdagangan dua hala, China kekal sebagai rakan dagang utama Malaysia bagi lapan tahun berturut-turut sejak 2009. Malaysia juga merupakan rakan dagang kedua terbesar China di kalangan negara-negara ASEAN pada 2016. Jumlah perdagangan Malaysia dengan China pada tahun 2016 adalah bernilai RM240.91 bilion iaitu peningkatan sebanyak 4.4% berbanding tahun 2015. Dari jumlah ini, eksport bernilai RM98.56 bilion dan import berjumlah RM142.35 bilion.

Komposisi utama barangan eksport ke China adalah terdiri daripada elektrik & elektronik (43.5%), produk kimia (12.1%), produk petroleum (7.5%), produk berasaskan minyak sawit (6.0%) dan produk keluli (4.9%). Sebagai sebuah kuasa ekonomi terbesar dunia yang mempunyai saiz pasaran yang sangat besar dengan jumlah penduduk seramai 1.3 bilion orang, China kekal menjadi fokus bagi pasaran eksport Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN KHALID BIN ABD. SAMAD**
KAWASAN : **SHAH ALAM**
TARIKH : **9.3.2017 (KHAMIS)**
NO. SOALAN : **27**

YB TUAN KHALID BIN ABD. SAMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kewajaran pihak Kerajaan menjual 51 peratus ekuiti PROTON kepada pihak luar dan implikasinya kepada masa depan syarikat berkenaan.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

PROTON merupakan syarikat swasta yang dimiliki penuh oleh Kumpulan DRB-HICOM sejak 2012. Kumpulan DRB-HICOM sebagai syarikat swasta bebas melakukan keputusan perniagaannya dan Kerajaan tidak sama sekali campur tangan ke atas keputusan perniagaan mana-mana syarikat swasta.

Proses mengenalpasti rakan strategik telah bermula sejak bulan Jun 2016 apabila PROTON telah mengeluarkan jemputan *request for proposal* (RFP) kepada syarikat pengeluar kenderaan (OEM) utama dunia. Hasil daripada maklum balas RFP, beberapa syarikat OEM telah dikenalpasti berpotensi untuk menjalinkan perkongsian strategik dengan PROTON.

Kini, proses penilaian oleh pihak PROTON ke atas calon-calon rakan-kongsi strategik berada pada fasa yang terakhir setelah proses 'due diligence' ke atas PROTON telah dilengkapkan pada pertengahan Februari 2017. Syarikat Kumpulan DRB-HICOM Berhad telah menerima bidaan dari calon-calon tersebut dan sedang membuat penilaian terperinci ke atasnya dan dijadualkan untuk memuktamadkan pemilihan rakan-kongsi strategik ini dalam separuh pertama tahun 2017 ini.

Oleh yang demikian, sebarang bentuk perkongsian strategik termasuk pemilikan ekuiti antara PROTON dan rakan kongsi strategiknya masih lagi sedang dibincangkan.

Dari segi implikasi masa depan syarikat PROTON, pemilihan rakan strategik adalah satu faktor penting dalam usaha untuk mencapai transformasi demi kejayaan jangka masa panjang. Ini adalah bagi memastikan PROTON terus berdaya saing serta mampu mencapai sasaran proses pemulihannya serta mengembalikan kegemilangan dan ekuiti jenama positif yang pernah dikecapi pada tahun-tahun sebelum ini.

Perkongsian strategik ini dijangka dapat memberi manfaat kepada PROTON dari segi pengetahuan, teknologi serta pengilangan. Manfaat ini juga tidak akan terhad kepada warga PROTON sahaja malah kepada semua yang terlibat dalam ekosistem industri automotif. Dari segi produk, selain daripada perkongsian platform, kedua-kedua pihak juga bakal berkongsi sumber untuk membangunkan produk baharu. Ini merangkumi elemen teknologi serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk dari segi proses pembuatan produk itu

sendiri. Di samping itu, perkongsian ini bakal membuka ruang pasaran yang lebih luas kepada PROTON dari segi jualan dan eksport ke pasaran serantau.

Oleh itu, perkongsian strategik ini dijangka memberi hasil terbaik kepada semua pihak yang terlibat. Sepertimana yang digariskan dalam Dasar Automotif Nasional 2014, Kerajaan akan terus memberikan sokongan kepada PROTON sebagai projek nasional bagi memastikan kepentingan industri automotif tempatan terpelihara.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK]

TARIKH : 9.3.2017

SOALAN :

Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan dalam membantu guru-guru menghadapi tekanan pekerjaan memandangkan bahawa terdapat rungutan guru-guru bahawa mereka dibebani dengan aktiviti persekolahan yang semakin bertambah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat kebajikan guru-guru termasuk menangani tekanan kerja di sekolah. KPM mempunyai kaunselor yang bertugas di setiap Jabatan Pendidikan Negeri, dan setiap Pejabat Pendidikan Daerah. Semua kaunselor ini memiliki lesen berkeelayakan profesional yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia.

Bagi guru-guru yang menghadapi tekanan emosi dalam pekerjaan, mereka boleh mendapatkan perkhidmatan psikologi dan kaunseling sama ada melalui kaunselor di Pejabat Pendidikan Daerah mahupun di

Sektor Psikologi dan Kaunseling Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Perkhidmatan psikologi dan kaunseling masa kini sangat membantu guru untuk menghadapi cabaran pendidikan alaf baharu dan transformasi pendidikan yang sedang berlaku.

RJM21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

Dato' Johari bin Abdul [SUNGAI PETANI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak dari mula Mantan Pengerusi FELDA Tan Sri Isa Samad memegang jawatan Pengerusi FELDA hinggalah beliau ditamatkan perkhidmatan berapakah hutang terkumpul FELDA dan semua anak-anak syarikat FELDA dan senaraikan semua pelaburan FELDA dan anak-anak syarikat FELDA yang menanggung kerugian lebih dari RM 10 juta.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan FELDA sebagai salah sebuah Badan Berkanun yang melaksanakan program pembangunan tanah dan pembangunan masyarakat memerlukan peruntukan dana yang besar. Bagi melaksanakan agenda nasional ini, FELDA telah mendapat bantuan kewangan daripada Kerajaan serta Institusi Kewangan antarabangsa. Kesemua bayaran balik pinjaman tersebut serta faedah telah dijelaskan sepenuhnya dalam tahun 2000 iaitu 20 tahun lebih awal daripada jadual pembayaran kembali yang sepatutnya dibuat dalam tahun 2001 sehingga 2020. Ini bermakna di dalam tempoh bermula tahun 2000, FELDA tidak mempunyai tanggungan liabiliti hutang dengan Kerajaan atau mana-mana institusi kewangan.

Pada 30 Disember 2009, FELDA telah membuat pinjaman dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM6,500 juta dan pinjaman ini merupakan pinjaman kali pertama FELDA selepas tahun 2000. Sehingga kini, berdasarkan kepada jadual pembayaran, FELDA belum pernah gagal dalam menjelaskan bayaran kembali pinjaman KWSP.

Mantan Pengerusi FELDA, Yang Berhormat Tan Sri Mohd Isa telah memegang jawatan Pengerusi FELDA sejak 1 Januari 2011 dan tamat tempoh perkhidmatannya pada 31 Disember 2016. Yang Berhormat Tan Sri Mohd Isa terus memegang jawatan sebagai Pengerusi Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). Di bawah penyusunan ini (Pengerusi

FELDA dan Pengerusi FGV), adanya pembahagian tanggung jawab iaitu terhadap kebajikan, sosio-ekonomi peneroka dan perniagaan.

Berdasarkan kepada Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2015 yang telah diaudit, jumlah liabiliti FELDA adalah sebanyak RM9,330.05 juta yang terdiri daripada pinjaman dari institusi luar, pemiutang dan lain-lain. Pinjaman dari institusi luar berjumlah RM6,172.37 juta manakala pemiutang dan lain-lain adalah sebanyak RM3,157.68 juta.

Dalam tahun 2015, terdapat empat anak syarikat FELDA yang menanggung kerugian melebihi RM10 juta iaitu FIC UK Properties Sdn Bhd sebanyak RM16.69 juta, Felda Wellness Corporation Sdn Bhd (FWC) sebanyak RM80.84 juta, Felda Investment Corporation Sdn Bhd sebanyak RM35.70 juta dan Felda Carvative Sdn Bhd (FCSB) sebanyak RM35.90 juta. Kerugian yang dinyatakan adalah berdasarkan Penyata Pendapatan setiap subsidiari yang telah diaudit.

Kerugian pelaburan juga telah dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2015 Pengurusan Aktiviti Badan Berkanun Persekutuan. Walau bagaimanapun, sebahagian besar pelaburan ini telah dilaksanakan penjejasan nilai pelaburan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 selaras dengan pematuhan kepada Piawaian Pelaporan Kewangan atau *Financial Reporting Standards* (FRS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA telah melaksanakan pemakaian FRS mulai tahun kewangan 2006 dan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA3.1/2013 – Garis Panduan Untuk

Penyediaan dan Pembentangan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan tahunan yang diaudit. Seterusnya, FELDA telah mengguna pakai FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran mulai tahun kewangan 2010 yang memerlukan pendedahan dalam Penyata Kewangan untuk mengambil kira nilai saksama (*fair value*). Nilai saksama merupakan anggaran rasional dan tidak berat sebelah daripada harga pasaran potensi yang baik, perkhidmatan atau aset. Anggaran ini mengambil kira penjejasan nilai apabila kos yang diakaunkan melebihi nilai saksama.

Susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2015 tersebut, tindakan membaik pulih serta langkah-langkah pencegahan agar perkara ini tidak berulang telah diambil oleh pengurusan FELDA selain tindakan tatatertib turut diambil jika kelemahan tersebut adalah daripada pegawai yang bertanggungjawab untuk melaksanakan dan memantau projek-projek tersebut.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
KAWASAN : BAGAN SERAI
TARIKH : 9 MAC 2017, KHAMIS

SOALAN:

YB. DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah IBS atau Sistem Binaan Berindustri telah diamalkan di Malaysia, apakah keunikannya dan bagaimanakah CIDB atau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia mempromosikannya dalam industri pembinaan tempatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan Sistem Binaan Berindustri atau lebih dikenali sebagai IBS ialah untuk meningkatkan produktiviti pembinaan dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing dalam industri pembinaan. Antara kebaikan penggunaan kaedah IBS ialah dapat mempercepatkan tempoh masa pembinaan, meningkatkan kualiti binaan dan dapat mengurangkan bilangan pekerja di tapak pembinaan. Ini sekali gus akan menjadikan tapak pembinaan lebih bersih, selamat dan terkawal.

Berdasarkan kajian oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM), sehingga bulan Mei 2016 didapati sebanyak 69.5% projek Kerajaan telah menggunakan IBS bagi pembinaan bangunan Kerajaan. Manakala bagi projek pembinaan bangunan swasta di negara ini pula, mengikut kajian oleh CIDB pada tahun 2014 mendapati hanya 14% sahaja sektor swasta menggunakan IBS. Antara cabaran penggunaan IBS di negara ini ialah berkaitan dengan 2 faktor paling kritikal, iaitu melibatkan polisi pihak berkuasa tempatan (PBT) dan juga inisiatif oleh pihak pemaju itu sendiri.

Di samping itu cabaran penggunaan IBS lain ialah berkaitan dakwaan kos keseluruhan projek yang lebih tinggi berbanding kaedah konvensional. Ini berkemungkinan disebabkan oleh masalah kekurangan pembekal, pembelian acuan yang mahal serta kos pengangkutan yang tinggi. Selain itu juga pembuatan komponen IBS juga memerlukan peralatan berteknologi tinggi dan lebih mahal berbanding alatan konvensional. IBS juga berhadapan dengan cabaran dan halangan untuk mengatasi isu tahap integrasi projek yang lemah dan proses reka bentuk yang masih menggunakan kaedah konvensional, di samping isu kekurangan tenaga mahir dan skim latihan yang masih terhad.

Sehubungan itu bagi meningkatkan tahap penggunaan IBS di kalangan projek-projek Kerajaan dan swasta, Kementerian Kerja Raya melalui CIDB antara lain telah melancarkan Program Transformasi Industri Pembinaan atau 'Construction Industry Transformation Plan' (CITP) 2016-2020. Melalui inisiatif itu, CIDB antara lain telah mengadakan beberapa sesi konsultasi dengan pihak industri pembinaan mengenai pelaksanaan IBS di negara ini. Hasil

dari perbincangan itu pihak industri pembinaan telah bersetuju secara prinsipnya untuk menggunakan kaedah IBS dalam pelaksanaan projek mereka mulai tahun hadapan (2018). Ini bermakna bagi projek-projek bernilai RM50 juta dan ke atas, penggunaan IBS akan ditetapkan sebagai salah satu syarat wajib bagi dalam memberi kelulusan perintah pembangunan oleh pihak berkuasa tempatan.

Di samping itu bagi tujuan untuk mempertingkatkan penggunaan IBS dalam industri pembinaan di negara ini, Kerajaan juga antara lain telah bersetuju seperti berikut:

- (1) Menetapkan koordinasi modular dijadikan sebagai piawaian dalam reka bentuk projek IBS;
- (2) Meningkatkan kadar levi bagi pekerja asing tidak mahir;
- (3) Menambah dan meluaskan kemudahan pinjaman kewangan kepada kontraktor IBS melalui Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK) bagi projek Kerajaan yang dilaksanakan oleh JKR;
- (4) Mewajibkan surat ikatan penyerahan hak antara kontraktor dengan pembekal IBS bagi projek Persekutuan yang dilaksanakan secara IBS;
- (5) Memperkenalkan modul IBS dalam silibus 'Technical Vocational Education and Training' (TVET);
- (6) Mewajibkan pengiklanan tender projek IBS Kerajaan dengan pengkhususan bidang IBS; dan
- (7) Menggiatkan promosi IBS oleh CIDB melalui siri jelajah program IBS, seminar, penubuhan Pusat IBS CIDB di Kuala Lumpur dan penganjuran Minggu Antarabangsa Pembinaan (ICW) yang diadakan pada setiap tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menjangkakan sektor pembinaan melalui kaedah IBS di negara ini akan berkembang dengan lebih pesat setelah keputusan untuk mewajibkan penggunaan kaedah IBS dalam projek-projek Kerajaan dan swasta. Di samping itu pelbagai insentif juga yang telah ditawarkan Kerajaan seperti pengecualian levi kepada pemaju perumahan yang menggunakan lebih daripada 50 skor IBS dan juga meluluskan program Dana Promosi IBS sebanyak RM500 juta.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 09.03.2017

SOALAN : 31

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah SPRM atau polis membuat siasatan ke atas PAS berhubung dakwaan Sarawak Report tentang penerimaan dana 90 juta oleh pihak-pihak tertentu. Jika ya, apakah status terkini tersebut, jika tidak, mengapa.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah meneliti maklumat seperti yang dinyatakan. Daripada penelitian yang dibuat oleh Jawatankuasa Menilai Maklumat SPRM didapati maklumat yang diterima tidak jelas dan tiada unsur-unsur yang membolehkan tindakan siasatan dibuat ke atas parti PAS.

Bagaimanapun, SPRM mengalu-alukan sekiranya mana-mana orang yang mempunyai maklumat berkaitan dengan isu yang dibangkitkan ini hendak melaporkannya kepada pihak SPRM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 9 MAC 2017
[KHAMIS]
DARIPADA : YB. DATUK WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]

SOALAN :-

YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah jangka panjang Kementerian untuk menangani masalah pelupusan sisa pepejal di Kawasan Pekan Nanas kerana menjadikan tapak sedia ada sebagai "transfer station" bukanlah penyelesaian menyeluruh.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah jangka masa panjang Kementerian untuk menangani masalah pelupusan sisa pepejal di kawasan Pekan Nanas adalah membina sebuah Stesen Pemindahan Sisa Pepejal bersebelahan dengan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal sedia ada di Kg Ayer Putih, Pekan Nanas, Pontian yang mana sisa dari tapak ini akan dihantar ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Seelong, Kulai, Johor. Stesen pemindahan sisa pepejal ini dijangka dapat beroperasi selewat-lewatnya menjelang tahun 2020.

Perancangan Kementerian untuk membina Stesen Pemindahan Sisa Pepejal ini dilihat sebagai satu penyelesaian menyeluruh dalam menangani masalah pengurusan sisa pepejal di Pekan Nanas terutamanya dalam menangani masalah pencemaran bau kerana sisa tidak akan lagi dilupuskan di tapak berkenaan tetapi akan dibawa ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari di Seelong, Kulai Johor. Pembinaan Stesen

Pemindahan Sisa Pepejal ini dijangka akan bermula pada Februari 2018 dan akan mengambil masa selama 18 bulan untuk siap.

Berdasarkan perancangan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), sisa pepejal yang dihasilkan di kawasan seliaan Majlis Daerah Pontian sebanyak 230 tan sehari akan dihantar ke Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari, Seelong, Johor untuk dilupuskan. Memandangkan terdapat tambahan jarak penghantaran sisa daripada tapak sedia ada (Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ayer Putih) sebanyak 50km, maka sebuah stesen pemindahan sisa pepejal akan disediakan atas justifikasi berikut:

- (i) menjimatkan kos pengangkutan yang perlu ditanggung oleh pihak Kerajaan; dan
- (ii) mengurangkan kesesakan lalu lintas ke tapak pelupusan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari, Seelong, Johor.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat juga, sebagai langkah jangka panjang bagi menyelesaikan masalah pelupusan sisa pepejal di kawasan

Pekan Nanas, Kerajaan juga sedang menggalakkan usaha-usaha seperti berikut:

- (i) mempergiat dan memperkemaskan kempen 3R di sekolah-sekolah dan tadika;
- (ii) melaksanakan dan memperluaskan kempen pengasingan sisa pepejal di punca ke sektor industri, komersial dan institusi;
- (iii) mempertimbangkan pelaksanaan konsep '*Pay as You Throw*' bagi menggalakkan masyarakat mengurangkan penjanaan sisa; dan
- (iv) memperkenalkan mekanisma baharu bagi mengurangkan penjanaan sisa makanan seperti mewajibkan pihak industri dan restoran merawat sisa makanan di punca menggunakan teknologi kompos atau *anearobic digester*.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017

NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 9 MAC 2017

RUJUKAN : 9612

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini mengenai Daesh atau IS dan lain jenis ekstremis.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ancaman dan tahap atau pengaruh kumpulan militan terutama Daesh di negara ini merupakan satu realiti yang boleh memberi kesan negatif terhadap keselamatan negara pada masa hadapan sekiranya tidak dibendung di peringkat awal. Oleh yang demikian, usaha memerangi kegiatan militan Daesh merupakan keutamaan bagi Kerajaan Malaysia.

Sepanjang tempoh 2010 sehingga 22 Februari 2017, seramai 398 orang telah ditahan di bawah kesalahan-kesalahan berkaitan keganasan dan kesalahan-kesalahan keselamatan yang membabitkan 271 orang ahli kumpulan pengganas Daesh dan selebihnya kumpulan pengganas lain. Daripada jumlah tersebut, seramai 25 orang ditahan pada tahun 2010, 41 orang pada tahun 2011, 9 orang pada tahun 2012, 11 orang pada tahun 2013, 75 orang pada tahun 2014, 104 orang pada tahun 2015 dan 126 orang pada tahun 2016. Manakala seramai 7 orang telah ditahan dari 1 Januari hingga 22 Februari 2017.

Pada masa sama, pihak Polis juga telah berjaya menggagalkan 15 percubaan melancarkan serangan oleh kumpulan militan Daesh sejak Februari 2013. Ini jelas membuktikan komitmen Kerajaan untuk membendung elemen kumpulan pengganas Daesh daripada terus berkembang dan mengancam keselamatan negara.

Merujuk kepada insiden pada 28 Jun 2016 di Puchong yang telah mencederakan seramai 8 orang awam, Kerajaan sedar bahawa langkah-langkah tegas secara berterusan perlu diambil demi menjamin kedaulatan negara dan keselamatan rakyat secara amnya.

Berdasarkan kepada beberapa peristiwa serangan pengganas pada masa ini, Kerajaan juga telah meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik negara seperti kawasan pelancongan, kepentingan negara asing dan sasaran penting. Kawalan keselamatan dilaksanakan menerusi konsep “Strategi Lautan Biru Kebangsaan” melibatkan kerjasama agensi-agensi keselamatan terutamanya PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada masa sama, kawalan di semua pintu masuk utama dan sempadan negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan antaranya penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) turut dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha gigih bagi menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia dengan melaksanakan operasi dan tangkapan dari semasa ke semasa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN
NARRASHID**

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

**Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]
minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan pengukur Indikator Kesejahteraan Keluarga
(IKK) nasional yang menjadi salah satu "outcome" nasional bagi
Rancangan Malaysia ke 11.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan *outcome* nasional seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) iaitu indeks kesejahteraan keluarga negara 8.0 menjelang tahun 2020 tercapai, Kementerian melalui LPPKN terus memantau tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia. Menyedari hakikat tentang isu dan cabaran yang lebih kompleks dihadapi oleh keluarga masa kini, LPPKN telah mengambil inisiatif melaksanakan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia pada tahun 2016 dengan menambah baik kaedah pengukuran indeks yang mencakupi pelbagai dimensi kesejahteraan kehidupan keluarga. Kaedah pengukuran IKK 2016 telah mengekalkan ketujuh-tujuh domain yang terdapat dalam IKK 2011 selain mempunyai satu domain baru iaitu domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi dan 23 indikator.

No.	Domain	Indikator
1	Hubungan Kekeluargaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penglibatan ibu bapa 2. Kualiti masa bersama keluarga 3. Imbangan kerja-keluarga 4. Perhubungan rapat 5. Kefungsian keluarga 6. Daya tindak keluarga 7. Daya tahan keluarga
2	Ekonomi Keluarga	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kesejahteraan kewangan 2. Pengurusan kewangan
3	Kesihatan Keluarga	<ol style="list-style-type: none"> 1. Amalan kesihatan keluarga 2. Kesihatan umum
4	Keselamatan Keluarga	<ol style="list-style-type: none"> 1. Keselamatan keluarga 2. Pengetahuan kecemasan
5	Keluarga Dan Keterlibatan Komuniti	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kerjasama dalam komuniti 2. Hubungan dalam komuniti
6	Keluarga, Peranan Agama & Amalan Kerohanian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peranan agama 2. Amalan kerohanian
7	Perumahan Dan Persekitaran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kawasan perumahan 2. Tahap pencemaran 3. Amalan 3R
8	Keluarga & Teknologi Komunikasi	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengaruh aplikasi komunikasi 2. Penggunaan SMS dan panggilan telefon 3. Kawalan terhadap penggunaan teknologi komunikasi

Secara keseluruhannya, skor **Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2016** berada di tahap sederhana iaitu nilai skor yang dicatatkan adalah

7.33 daripada skala maksimum 10. Skor mengikut domain adalah seperti berikut:

1. Domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian = 8.04
2. Domain Keselamatan Keluarga = 7.96
3. Domain Hubungan Kekeluargaan = 7.90
4. Domain Keluarga dan Keterlibatan Komuniti = 7.84
5. Domain Kesihatan Keluarga = 7.18
6. Domain Ekonomi Keluarga = 7.05
7. Domain Keluarga dan Teknologi Komunikasi = 6.38
8. Domain Rumah dan Persekitaran = 6.24

Secara kesimpulan, kesemua nilai skor domain tersebut berada pada tahap sederhana kecuali domain Keluarga, Peranan Agama dan Amalan Kerohanian yang dikategorikan dalam tahap tinggi.

Berdasarkan daripada penemuan indeks ini, usaha yang berterusan dan menyeluruh perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak untuk terus meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga dari semasa ke semasa. Melalui IKK 2016, skor domain serta indikator yang diperolehi boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada para penggubal dasar, perancang

dan pelaksana program untuk merangka dan membangunkan program intervensi yang bersesuaian dan tepat kepada sasaran. Saya menyeru agar semua agensi Kerajaan, swasta, dan NGO untuk bersama-sama membantu bagi menjayakan agenda keluarga dan komuniti yang dirancangkan agar kesejahteraan keluarga dan masyarakat dapat dipertingkatkan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

TARIKH : 9.3.2017

SOALAN :

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah keberkesanan "Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial" (PEERS) serta "Dasar dan Pelan Tindakan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan" (PEKERTI) dalam mengurangkan isu kehamilan yang tidak dirancang dan sosial isu lain seperti pembuangan bayi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) yang diajar melalui kurikulum Pendidikan Kesihatan di sekolah adalah salah satu usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memberi maklumat yang tepat kepada murid supaya murid dapat membuat keputusan yang bijak serta berkesan dalam menangani masalah gejala sosial di Malaysia.

Program PEKERTI@Sekolah dilaksanakan secara usaha sama antara KPM dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah inisiatif PEERS dalam merealisasikan Dasar PEKERTI secara *whole*

government approach. Program ini merupakan komitmen KPM untuk sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam usaha membendung isu sosial remaja melalui pendidikan.

Kejayaan dan keberkesanan PEERS memerlukan penggembengan usaha dan kerjasama secara berterusan daripada semua pihak terutamanya ibu bapa, komuniti, media massa dan pelbagai pihak yang berkepentingan. KPM menyeru supaya semua pihak memainkan peranan yang lebih proaktif dalam usaha membendung isu kejahatan sosial termasuk kehamilan tidak dirancang dan pembuangan bayi.

RJM25

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN M. KULASEGARAN A/L V.
MURUGESON [IPOH BARAT]**

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN:

YB. TUAN M. KULA SEGARAN A/L V. MURUGESON [IPOH BARAT]
minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

- (a) Kerajaan Negeri manakah yang telah bersetuju dengan cadangan untuk menghentikan pembalakan 100%; dan
- (b) Jumlah penanaman semula pokok-pokok untuk menjadikan semula hutan yang telah dilakukan setakat ini dan bagaimana.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, tiada lagi Kerajaan Negeri menghentikan aktiviti pembalakan 100% dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal.

Sehingga kini, sebanyak **81,678,534** pokok telah berjaya ditanam dengan keluasan tanaman **102,709.04 hektar** meliputi kawasan miskin, terosot dan lapang dalam HSK serta Tanah Kerajaan sejak tahun 2010 hingga 2016.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. PUAN RUBIAH BINTI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 9 MAC 2017

SOALAN :

YB. Puan Rubiah Binti Awang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan rasional di sebalik penutupan serta merta Pejabat Tourism Malaysia dan sejauh mana ianya dijamin tidak akan memberi kesan terhadap pelancongan khususnya yang melibatkan pelancongan warisan dan kebudayaan.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Rasional penutupan pejabat negeri Tourism Malaysia adalah untuk mengelakkan pertindihan tugas di antara Tourism Malaysia dengan badan-badan pelancongan negeri. Buat masa ini, semua negeri di Malaysia telah mewujudkan badan pelancongan negeri masing-masing.

Fungsi pejabat-pejabat wilayah Tourism Malaysia adalah seperti berikut :

- i. Menguruskan kesemua Pusat Penerangan Pelancongan di setiap negeri;
- ii. Bertindak sebagai sudut rujukan/ nasihat kepada penggiat industri pelancongan seperti hotel, agensi pelancongan, pengusaha produk pelancongan dan persatuan-persatuan pelancongan dalam kempen promosi pelancongan;
- iii. Mengkordinasi aktiviti promosi pelancongan domestik berdasarkan program yang diusahakan oleh ibu pejabat.
- iv. Membantu segala inisiatif kajian-kajian berkaitan pelancongan yang dibuat oleh Tourism Malaysia dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan;
- v. Mengemaskini segala inventori produk-produk pelancongan di setiap negeri agar dapat diwujudkan pakej-pakej dan dipromosikan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 09.03.2017

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

- (a) kiraan yang digunapakai dalam menetapkan kenaikan harga petroleum 20 sen per liter pada bulan Februari 2017.; dan
- (b) subsidi yang diberikan sekiranya harga petroleum terus mencanak naik serta menetapkan harga siling.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan penetapan harga runcit RON95 dan diesel berdasarkan harga pasaran dunia mengguna pakai formula *Automatic Pricing*

Mechanism (APM) mulai 1 Disember 2014. Berdasarkan kaedah ini, perubahan harga runcit RON95 dan diesel di negara ini dibuat setiap bulan untuk dilaksanakan mulai setiap 1 haribulan.

2. Kos utama yang menjadi komponen dalam formula APM tersebut ialah kos sebenar RON95 dan diesel yang telah siap diproses (*refined product*) dan kadar pertukaran mata wang ringgit Malaysia berbanding US dolar. Ini memandangkan urusan dagangan minyak di pasaran dunia adalah dilakukan dalam nilai mata wang US dolar. Dengan itu, penyusutan nilai tukaran mata wang ringgit Malaysia berbanding US dolar juga mempengaruhi harga runcit semasa berdasarkan formula APM. Di samping itu, kos selainnya yang terdiri daripada komponen tertentu seperti kos pengendalian operasi dan margin syarikat minyak serta komisen pengusaha stesen minyak juga di ambil kira dalam formula APM.

3. Kenaikan harga runcit petrol RON95 sebanyak 20 sen bagi bulan Februari 2017 adalah disebabkan purata kenaikan kos produk RON95 yang telah siap diproses bagi bulan sebelumnya iaitu Januari 2017 berbanding bulan Disember 2016 adalah lebih tinggi iaitu sekitar USD3.04 setiap barel. Kedudukan tersebut menyebabkan harga runcit RON95 perlu dinaikan bagi bulan Februari 2017.

4. Buat masa ini, Kerajaan akan terus mengguna pakai kaedah sedia ada iaitu apungan terkawal dalam menetapkan harga runcit petrol dan diesel di negara ini. Berhubung cadangan menetapkan

harga siling bagi produk petroleum di stesen minyak, ia masih lagi di peringkat kajian dan penelitian lanjut oleh Kerajaan dengan penglibatan secara langsung oleh agensi-agensi yang berkenaan seperti Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' SERI TIONG KING SING
KAWASAN : BINTULU
TARIKH : 9 MAC 2017, KHAMIS

SOALAN:

YB. DATO' SERI TIONG KING SING minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) adakah kementerian mempunyai perancangan untuk melebarkan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) ke sekurang-kurangnya 3 lorong setiap arah sepanjang lebuhraya tersebut memandangkan bilangan kenderaan yang begitu padat bagi memastikan kelancaran aliran trafik dan keselamatan serta keselesaan pengguna lebuhraya tersebut; dan
- (b) bilakah perancangan tersebut akan dilaksanakan dan apakah kos perbelanjaan yang dijangka sekiranya terdapat perancangan tersebut.

JAWAPAN (a) & (b):

Tuan Yang Di-Pertua;

Kerajaan sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), terutama pada waktu puncak, cuti hari minggu, cuti persekolahan dan juga pada musim perayaan

utama. Keadaan ini disebabkan oleh faktor berlaku pergerakan trafik yang tinggi dalam tempoh masa yang serentak. Namun begitu secara umumnya Lebuh Raya Utara Selatan setakat ini masih lagi mampu untuk menampung kapasiti aliran trafik harian semasa walaupun diakui terdapat peningkatan terhadap jumlah kenderaan baru yang berdaftar pada setiap tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa kini tiada perancangan untuk menaik taraf atau menambah lorong laluan yang baru di sepanjang Lebuh Raya Utara Selatan. Kerja-kerja tambahan itu tidak termasuk obligasi skop perjanjian konsesi Lebuh Raya Utara Selatan antara Kerajaan dan PLUS Malaysia Berhad. Oleh itu sebarang projek menaik taraf Lebuh Raya Utara Selatan perlu dimuktamadkan melalui perjanjian konsesi tambahan. Pertimbangan Kerajaan untuk meluluskan sebarang cadangan kerja-kerja tambahan PLUS dibuat dengan mengambil kira faktor keutamaan dan juga kemampuan kewangan Kerajaan secara keseluruhan.

Setakat ini Kerajaan telah meluluskan 2 projek utama bagi menaik taraf Lebuh Raya Utara Selatan dengan nilai keseluruhan projek terlibat ialah hampir RM2.5 bilion. Ini merujuk kepada kerja-kerja pembinaan lorong ketiga dari Seremban ke Ayer Keroh dan Rawang ke Tanjong Malim yang disiapkan pada tahun 2011 dengan kos sebanyak RM1.04 bilion. Manakala satu lagi projek naik taraf utama Lebuh Raya Utara Selatan ialah membina lorong keempat PLUS di sekitar Lembah Klang dengan jarak keseluruhan 63km yang telah disiapkan pada bulan September 2015 yang lalu dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.44 bilion.

Walau bagaimanapun bagi mengurangkan masalah kesesakan di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), Kerajaan telah meluluskan projek pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) di bahagian koridor utara, iaitu melibatkan jajaran dari Taiping ke Banting sepanjang 316km. Projek ini telah dimulakan pada tahun lalu dan dirancang akan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2020. Dalam masa yang sama Kerajaan juga sedang menimbangkan untuk memanjangkan pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) itu ke bahagian koridor selatan pula, iaitu sambungan dari Banting, Selangor ke Gelang Patah, Johor. Pada masa kini Kajian Awalan dan penentuan jajaran projek tersebut sedang dilaksanakan oleh kementerian ini dan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 9 MAC 2017

SOALAN :

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan tanah milik Kerajaan/Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang telah dijual dan berpindahmilik dari segi jumlah keluasan, nilai jualan, nama pembeli-pembeli dan tujuan pembelian serta tarikh bila siap bagi tempoh 2013, 2014, 2015 dan 2016.

JAWAPAN : YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil semakan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTG WP) didapati sebanyak 113 lot tanah Kerajaan dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diluluskan pemberimilikan kepada sama ada individu, syarikat atau perbadanan pada tahun 2013 dan sebanyak 65 lot lagi pada tahun 2014. Di sepanjang tahun 2015 pula, terdapat sebanyak 68 lot tanah Kerajaan yang telah diluluskan pemberimilikannya dan pada tahun 2016 sebanyak 42 lot tanah telah diluluskan. Agensi-agensi yang berkaitan akan terlibat dalam menentukan perancangan serta pembangunan yang akan dijalankan ke atas tanah-tanah yang telah diberimilik. Kerajaan akan sentiasa memantau supaya pembangunan tanah dilaksanakan mengikut syarat yang ditetapkan dalam Kanun Tanah Negara 1965 dan Kaedah-kaedah Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1995.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
JOSEPH PAIRIN KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 41

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA** menyatakan bahawa memandangkan beberapa kawasan telah dibekalkan menara telekomunikasi dan internet, berapa banyakkah pencawang telekomunikasi dan juga internet telah dibekalkan di Kawasan Keningau dan adakah pembekalan itu mencukupi untuk memberi perkhidmatan kepada semua pelusuk Parlimen Keningau.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mempertingkatkan perkhidmatan telekomunikasi dan Internet di seluruh negara.

SOALAN NO : 41

Di bawah inisiatif Peluasan Liputan Selular yang bertujuan menambahbaik liputan selular, sebanyak sepuluh (10) buah menara komunikasi telah siap dibina dan beroperasi bagi menawarkan perkhidmatan selular di Parlimen Keningau. Selain itu, terdapat tambahan dua (2) buah menara komunikasi sedang dibina dan dijangka siap pada suku kedua tahun 2017 di samping sebanyak 32 buah menara komunikasi sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G untuk manfaat penduduk di sekitar Parlimen Keningau.

Pihak Kerajaan juga turut melaksanakan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (*High Speed Broadband – HSBB*) bagi mempertingkatkan perkhidmatan jalur lebar talian tetap melalui projek HSBB fasa 2, projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (*Sub Urban Broadband - SUBB*) dan Jalur Lebar Luar Bandar (*Rural Broadband – RBB*).

Setakat kini, di Parlimen Keningau, sebanyak 1,072 sambungan ports telah siap dilaksanakan manakala sebanyak 848 sambungan ports masih dalam peringkat pelaksanaan di bawah projek HSBB fasa 2 yang mampu menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi sehingga 100Mbps.

Manakala untuk projek SUBB, sebanyak 720 sambungan ports telah siap dilaksanakan dan 636 sambungan ports dalam peringkat pelaksanaan di Parlimen Keningau. Untuk projek RBB di Parlimen Keningau, sebanyak 1,245 sambungan telah siap dilaksanakan. Kedua-dua projek ini mampu menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan sehingga 20 Mbps.

SOALAN NO : 41

Sebagai tambahan, inisiatif Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) yang bertujuan menyediakan perkhidmatan jalur lebar secara kolektif untuk kegunaan penduduk setempat telah juga dilaksanakan di mana 7 PI1M telah siap dan beroperasi di Parlimen Keningau.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.03.2017

Y.B. PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang bankrap dari tahun 2010 sehingga kini mengikut perincian kaum dan sama ada KWSP membenarkan pencarum untuk mengeluarkan sebahagian kecil dari simpanan mereka secara sah mengikut garis panduan KWSP untuk melangsaikan hutang pinjaman "ah-long" atau kad kredit mereka yang membebankan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan rakyat Malaysia yang diisytiharkan bankrap berdasarkan statistik daripada Jabatan

Insolvensi Malaysia adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan
2010	18,119
2011	19,167
2012	19,575
2013	21,987
2014	22,351
2015	18,457

Walaupun bagaimanapun, tujuan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah untuk menyediakan simpanan persaraan bagi membiayai sara hidup ahli apabila telah bersara. Pengeluaran yang dibenarkan adalah hanya bagi tujuan yang berkaitan dengan persaraan atau menambah nilai simpanan untuk persaraan. Sehubungan itu, cadangan pengeluaran bagi melangsaikan hutang pinjaman "ah-long" atau kad kredit adalah tidak selaras dengan objektif KWSP sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial yang menyediakan simpanan untuk persaraan ahli. Tambahan pula, pengeluaran seperti ini akan mengurangkan simpanan dan menjejaskan kecukupan simpanan ahli untuk membiayai persaraan mereka kelak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]

TARIKH : 09.03.2017

SOALAN : 43

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan Siasatan Serious Fraud Office United Kingdom atas Rolls-Royce Plc di mana syarikat itu didapati bersalah atas pertuduhan membayar rasuah kepada seorang eksekutif AirAsia Bhd, apakah tindakan yang diambil oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap individu tersebut.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, siasatan yang dijalankan oleh Serious Fraud Office (SFO) adalah berkaitan dengan kesalahan yang didakwa berlaku di United Kingdom. Namun begitu, siasatan oleh SFO kini telah ditangguhkan ekoran daripada kelulusan untuk Perjanjian Pendakwaan Tertunda (Deferred Prosecution Agreement - DPA) yang diberikan oleh President of the Queen's Bench Division, United Kingdom. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak ada menjalankan siasatan berkaitan kes berkenaan namun telah memberikan kerjasama kepada pihak Serious Fraud Office United Kingdom dalam siasatan mereka.

Setakat ini tidak ada keterangan yang dapat mengaitkan mana-mana pihak dengan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 berkaitan dengan kes yang disiasat oleh SFO itu. SPRM mengalu-alukan sekiranya mana-mana orang yang mempunyai maklumat berkaitan dengan isu yang dibangkitkan hendak menyalurkannya kepada Suruhanjaya ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab FELDA membeli 37% syarikat *Eagle High Plantations* dengan premium setinggi 173% berbanding dengan harga pasaran semasa bulan November 2016. Apakah pinjaman yang diperlukan oleh FELDA untuk menanggung pembelian tersebut dan apakah jaminan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pembelian 37% saham syarikat PT Eagle High Plantation Tbk (EHP) oleh FELDA melalui salah sebuah syarikat subsidiari iaitu FIC Properties Sdn Bhd (FICP), harga saham bukanlah kaedah penilaian yang diterima apabila membabitkan syarikat perladangan. Harga saham itu mungkin tidak mencerminkan nilai sebenar EHP atas beberapa faktor seperti iklim kewangan, sentimen pasaran dan jumlah dagangan. Khusus untuk perladangan Minyak Sawit Mentah (MSM), memandangkan modal perniagaan yang tinggi bagi beberapa tahun pertama kitaran penanaman, metrik penilaian yang relevan yang diterima di peringkat global adalah nilai perusahaan per ditanam (*Enterprise Value* – EV per hektar) daripada harga saham.

Rasional pembelian juga adalah melibatkan pertimbangan aspek saiz tanah di mana ia menawarkan akses kepada tanah perladangan yang luas iaitu lebih daripada 320,000 hektar (kira-kira 4.4 kali saiz Singapura). Pihak FELDA juga berpeluang untuk menikmati pertumbuhan kepada pelaburan lebih awal kerana kira-kira 125,000 hektar dari tanah tersebut telah ditanam dan kini mencapai kitaran paling produktif. Oleh sebab itu bolehlah dianggap bahawa perjanjian ini sebagai pembelian potensi pertumbuhan (*growth buy*) yang bakal memberi faedah jangka masa panjang kepada FELDA.

Selain itu, adalah mustahil bagi FELDA dapat mengumpul saham EHP ini jika dibeli daripada pasaran terbuka. Ia merupakan pegangan saham tunggal terbesar dalam EHP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pembelian 37% pegangan saham dengan *Put Option* daripada EHP ini dilaksanakan oleh FICP, iaitu sebuah syarikat subsidiari milik penuh FELDA. Oleh itu, ianya tidak menggunakan sumber kewangan FELDA dan tidak akan mempengaruhi komitmen sedia ada serta tidak menjejaskan program FELDA di dalam meningkatkan kesejahteraan peneroka.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.03.2017

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senaraikan perolehan, untung/rugi bersih dan jumlah dana terkumpul bagi Amanah Raya Berhad bagi setiap tahun kewangan dari 2005 hingga 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, Amanah Raya Berhad merupakan sebuah organisasi yang mencatatkan keuntungan stabil semenjak ianya ditubuhkan. Namun, pada tahun 2011 dan 2012 syarikat telah mengalami kerugian di mana rizab telah jatuh sehingga negatif RM180.93 juta yang disebabkan oleh pelaburan-pelaburan yang tidak

memberikan pulangan seperti dijangkakan, disamping tadbir urus korporat yang lemah (*weak corporate governance*) pada ketika itu.

Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Amanah Raya Berhad kini telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memperbaiki kelemahan dan seterusnya memastikan perkara sama tidak berulang. Bagi tahun kewangan 2016, Amanah Raya Berhad telah merekodkan dana terkumpul positif (*positive reserve*) sebanyak RM28.21 juta. Seterusnya, Amanah Raya Berhad akan memberi fokus terhadap perniagaan teras dan seterusnya menjangkakan prestasi kewangan yang lebih baik.

SOALAN NO. :46

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

YB DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR] minta **MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk memulihkan kerosakan taman kerumbu karang dilaut Pulau Sepanggar yang terjejas akibat aktiviti pengeboman ikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kawasan perairan di Pulau Sepanggar masih belum diwartakan sebagai kawasan perlindungan marin (*Marine Protected Areas*, MPA) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar hanya mempunyai peruntukan untuk tujuan pemuliharaan terumbu karang di Taman Laut yang telah diwartakan. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sedia memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan Negeri Sabah berkaitan kaedah-kaedah restorasi terumbu karang yang telah dimusnahkan. Kementerian juga ingin mencadangkan agar kerjasama secara NBOS antara agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi memastikan usaha pemuliharaan terumbu karang dapat dilaksanakan secara efektif. Pemuliharaan terumbu karang secara efektif dapat memastikan kelestarian habitat marin terpelihara dan meningkatkan daya tarikan pelancong.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.03.2017

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senaraikan semua dana dan pinjaman yang diberikan oleh agensi kewangan/bank milik kerajaan untuk pembinaan Hotel St Regis Langkawi dan Langkawi International Convention Centre (LICC) dengan perincian jumlah, agensi/bank, syarat pinjaman dan tempoh bayar balik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan kedua-dua projek iaitu Hotel St Regis Langkawi dan Langkawi International Convention Centre (LICC) adalah merupakan projek perintis dan

“game changer” bagi menjadikan Langkawi destinasi percutian pelancong berpendapatan tinggi melalui pembangunan kawasan persisiran pantai secara bersepadu. Projek berkenaan telah dibangunkan oleh syarikat SPV secara usahasama di antara Kerajaan dengan Kumpulan Rajawali daripada Indonesia. Projek Hotel St Regis Langkawi telah disiapkan pada Oktober 2015 manakala projek LICC telah disiapkan pada Februari 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk menjayakan projek pembinaan Hotel St Regis Langkawi dan LICC, syarikat SPV iaitu; Integrated Nautical Resort Sdn Bhd (INR) dan Garuda Suci Sdn Bhd telah menerima sokongan kewangan yang terdiri daripada ekuiti pemegang saham, pinjaman daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), pinjaman mudah Kerajaan Malaysia dan Dana Mudahcara daripada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

Bagi projek Hotel St Regis Langkawi, jumlah dana dan pinjaman yang telah diperolehi adalah berjumlah RM327 juta. Ia merangkumi suntikan ekuiti dan pinjaman daripada BPMB dan Kerajaan pada kadar empat peratus setahun bagi tempoh antara 15 tahun sehingga 20

tahun.

Manakala bagi projek LICC, jumlah dana dan pinjaman yang telah diperolehi adalah berjumlah RM115.5 juta. Ia merangkumi suntikan ekuiti dan pinjaman daripada BPMB dan Dana Mudahcara UKAS pada kadar empat peratus setahun bagi tempoh 15 tahun.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Dato' Hasbullah Bin Osman (Gerik)**
KAWASAN : **Gerik**
TARIKH : **09.03.2017 (Khamis)**
NO. SOALAN : **48**

SOALAN

YB Dato' Hasbullah Bin Osman (GERIK) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perancangan dan tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan sekiranya Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) tidak berjaya untuk dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berikutan pengunduran Amerika Syarikat daripada TPPA pada 30 Januari 2017, Malaysia tidak akan dapat menikmati peluang-peluang tambahan untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan melalui akses pasaran berkeutamaan yang ditawarkan bawah TPPA.

2. Susulan itu, Malaysia dan negara anggota TPPA lain sedang menimbang beberapa alternatif sebagai langkah seterusnya. Pada masa

kini, terdapat tiga kelompok negara dengan pandangan masing-masing seperti berikut:

- Kelompok pertama ialah negara-negara seperti Jepun dan New Zealand yang berharap TPPA akan dilaksanakan berdasarkan syarat semasa. Untuk makluman, Jepun dan New Zealand sudahpun selesai proses ratifikasi dalam negara masing-masing bagi perjanjian TPP.
- Manakala kelompok kedua ialah negara-negara seperti Mexico dan Kanada yang lebih tertumpu kepada kemungkinan besar Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) disemak semula. Ini kerana Presiden Trump telah berulang kali menyatakan hasrat beliau untuk mengkaji semula NAFTA di samping penarikan diri dari TPPA.
- Kelompok ketiga pula meliputi negara-negara seperti Malaysia, Vietnam, Brunei Darussalam dan Singapura yang berpendapat bahawa beberapa perkara di dalam TPPA adalah baik untuk diteruskan dengan pindaan undang-undang walaupun TPPA tidak terlaksana.

3. Sehubungan itu, hala tuju dan kemungkinan pelaksanaan TPP tanpa Amerika Syarikat adalah bergantung kepada perbincangan lanjut antara 11 buah negara anggota TPP yang lain di peringkat Ketua-Ketua Perunding.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH : 9.3.2017 (KHAMIS)

Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [Klang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membentuk Mahkamah Hak Harta Intelek di Malaysia dan bagaimanakah Kerajaan akan melindungi serta menyedarkan Industri kecil dan Sederhana mengenai isu-isu berkait dengan Hak Harta Intelek.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, Mahkamah Harta Intelek telah berkuatkuasa pada Julai 2007. Malaysia mempunyai sebanyak 21 Mahkamah Harta Intelek yang terdiri daripada 15 Mahkamah Sesyen di setiap negeri termasuk 1 di Putrajaya, dan 6 Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Perak, Sabah, dan Sarawak.

Penubuhan Mahkamah Harta Intelek bertujuan untuk mendengar dan membicarakan kes-kes yang melibatkan, antara lain, pelanggaran hak harta intelek. Mahkamah Sesyen Harta Intelek mempunyai bidang kuasa mendengar kes-kes jenayah harta intelek sementara Mahkamah Tinggi Harta Intelek mempunyai bidang kuasa mendengar kes-kes sivil berkenaan pelanggaran hak harta intelek serta kes-kes rayuan jenayah dari Mahkamah Sesyen Harta Intelek.

Dengan kewujudan mahkamah harta intelek, kes-kes pelanggaran harta intelek di Malaysia dapat didengar di mana pemilik harta intelek dapat menguatkuasakan hak harta intelek mereka di bawah undang-undang. Sehubungan itu, dengan kewujudan Mahkamah Harta Intelek ianya dapat meningkatkan keyakinan pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara.

KPDNKK, bersama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah menjalankan pelbagai program kesedaran perlindungan harta intelek untuk semua lapisan masyarakat termasuklah pemain industri di dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Sepanjang tahun 2016, sejumlah 143 program untuk meningkatkan kesedaran bagi menggalakkan IKS untuk mendaftarkan harta intelek di MyIPO telah

dijalankan yang turut melibatkan agensi yang berkaitan seperti SME Corp., Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), TERAJU, TEKUN, MARA dan Dewan-Dewan Perniagaan. Program-program tersebut meliputi seminar, bengkel, taklimat dan khususnya Klinik Harta Intelek kepada golongan sasaran. Manakala bagi tahun 2017, sehingga bulan Februari sebanyak 10 program telah berjaya dianjurkan. Program-program untuk meningkatkan kesedaran perlindungan hak harta intelek akan terus dijalankan secara berterusan kepada semua golongan sasaran termasuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

NO. SOALAN : 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Datuk Hajah Norah Binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kementerian akan menggubal undang-undang untuk menghentikan diskriminasi terhadap wanita terutama dalam pengambilan kaum wanita sama ada di sektor awam ataupun swasta.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa prihatin dengan sebarang bentuk diskriminasi yang dilakukan terhadap mana-mana golongan terutamanya wanita.

Sehubungan itu, bagi menzahirkan keprihatinan dan komitmen Malaysia dalam menghapuskan diskriminasi terhadap wanita, Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) pada tahun 1995. Ini merupakan usaha Kementerian dalam memastikan tiada sebarang diskriminasi dilakukan terhadap wanita termasuk diskriminasi terhadap pengambilan kerja wanita di sektor awam atau sektor swasta.

Setelah menjadi negara pihak kepada CEDAW, Kerajaan telah meminda peruntukan dalam Perlembagaan bagi memastikan hak kesamarataan antara gender iaitu pada Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan dengan menambah perkataan jantina. Ini bermaksud, di Malaysia pengertian

kesaksamaan bukan sahaja pada agama, ras, keturunan dan tempat lahir tetapi juga jantina. Ia terpakai dalam mana-mana undang-undang atau pelantikan kepada apa-apa jawapan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan perolehan, pemegangan atau pelupusan harta atau berhubungan dengan penubuhan atau perjalanan apa-apa pertukangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan.

Selain Perlembagaan Persekutuan, **Akta Kerja 1955** yang menyentuh perkara yang berkaitan dengan diskriminasi terhadap wanita seperti larangan bagi wanita di sektor industri dan pertanian untuk bekerja di waktu malam, penglibatan wanita dalam sektor 3D (*dangerous, dirty and difficult*) dan penambahan peruntukan khas bagi menangani isu gangguan seksual di tempat kerja telah dipinda dan berkuat kuasa pada 1 April 2012.

Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja (JTK) yang diterima melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM), dari tahun 2014 sehingga April 2016, JTK hanya menerima satu (1) aduan berkenaan diskriminasi terhadap wanita iaitu mengenai keengganan majikan untuk menggaji wanita bertudung. Hasil siasatan didapati isu ini adalah berasas dan

majikan telah diberi nasihat yang sewajarnya supaya tidak mengamalkan diskriminasi dalam pemilihan calon pekerja terutamanya mengikut gender. Siasatan juga akan terus dijalankan kepada mana-mana syarikat sekiranya terdapat kes-kes yang melibatkan diskriminasi terhadap wanita dan hak-hak pekerja wanita yang dinafikan di bawah peruntukan undang-undang perburuhan yang dikuatkuasakan.

Kementerian juga masih meneliti perancangan untuk menggubal undang-undang khusus ke atas diskriminasi terhadap wanita dan akan meneruskan konsultasi dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak-pihak yang berkaitan dalam meneliti perkara ini bagi memastikan Malaysia mencapai kesaksamaan gender seperti negara-negara maju yang lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
KAWASAN : JERANTUT
TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 51

SOALAN

YB. TUAN AHMAD NAZLAN BIN IDRIS (JERANTUT) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesan terhadap Malaysia selepas Amerika Syarikat menarik diri daripada TPPA dan apakah pendirian dan tindakan yang diambil Kementerian di dalam perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sepertimana ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum, Amerika Syarikat telah mengeluarkan notifikasi bertulis kepada semua negara-negara TPPA termasuk Malaysia pada 30 Januari 2017 untuk memaklumkan secara rasmi penarikan negara tersebut dari TPPA.

2. Dengan perkembangan ini dan berdasarkan syarat perjanjian sedia ada, TPPA tidak boleh dilaksanakan tanpa penglibatan Amerika Syarikat. Ini kerana perjanjian ini hanya boleh berkuat kuasa apabila ratifikasi dilaksanakan oleh sekurang-kurangnya enam (6) buah negara yang mewakili 85% jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)

negara-negara TPP. Amerika Syarikat sendiri sudah menyumbang 60% daripada jumlah keseluruhan KDNK negara-negara anggota TPP.

3. Sehubungan itu, negara-negara TPP yang lain seperti Malaysia tidak akan dapat menikmati peluang-peluang tambahan untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan melalui akses pasaran berkeutamaan yang ditawarkan di bawah TPP.

4. Sekiranya TPPA tidak dapat dilaksanakan, ini merupakan satu '*missed opportunity*' (dengan izin Tuan Yang Dipertua) kepada Malaysia untuk memperluas dan mempelbagaikan akses pasaran.

5. Berkenaan dengan hala tuju TPP, ini adalah bergantung kepada perbincangan lanjut antara 11 buah negara anggota TPP yang lain di peringkat Ketua-Ketua Perunding dan Menteri-Menteri negara TPP.

Tuan Yang Dipertua,

6. Sebagai alternatif, Malaysia juga menimbang untuk mengadakan perjanjian perdagangan bebas dua hala dengan beberapa negara TPP seperti Mexico, Kanada dan Peru.

7. Selain itu, Malaysia juga terlibat dalam rundingan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) bersama 15 negara lain, termasuk tujuh (7) negara anggota TPP. Tumpuan Malaysia pada masa ini adalah untuk memuktamadkan rundingan RCEP menjelang penghujung tahun ini. Di samping itu, langkah-langkah awal untuk mengadakan perjanjian perdagangan bebas dengan negara-negara berpotensi yang lain juga sedang dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
[SUBANG]**

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [SUBANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana dana RM 4.3 billion yang merupakan baki dana dari RM 6 billion yang diterima oleh FELDA daripada penjualan saham FGV dalam IPO yang berkenaan selepas membayar RM 1.7 billion kepada peneroka FELDA (RM15 ribu sepeneroka) digunakan atau disimpan.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perolehan kasar yang diterima oleh FELDA hasil daripada penyenaiaan Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) pada Jun 2012 adalah berjumlah RM5.99 billion.

Sebanyak RM1.69 billion telah diperuntukkan untuk bayaran 'durian runtuh' kepada peneroka manakala baki sebanyak RM4.30 billion telah diperuntukkan bagi kategori-kategori seperti berikut:

Bil	Perkara	RM Juta
1.	Perbelanjaan Berkaitan Penyenaiaan	1,157.33
2.	Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka	400.00
3.	Perbelanjaan Penebusan Saham	408.19
4.	Perbelanjaan Pengurusan	903.92
5.	Pelaburan Jangka Panjang	1,439.46
Jumlah Perbelanjaan		4,308.90

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH NORMALA BT ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Hajah Normala Bt Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan dan tindakan oleh pihak Kementerian dalam membendung isu kanak-kanak yang menjaja dan menjual makanan ringan di tepi jalan bagi membantu pendapatan keluarga.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amat prihatin terhadap kebajikan dan perlindungan kanak-kanak. Kebajikan dan perlindungan kanak-kanak dilihat dari empat aspek seperti yang digariskan di dalam *Convention on the Right of Children (CRC)* iaitu Hak Kehidupan, Hak Perlindungan, Hak Perkembangan dan Hak Penyertaan.

Berhubung dengan aktiviti yang dilakukan oleh kanak-kanak iaitu menjalankan penjajaan dan menjual makanan ringan di tepi jalan bagi membantu pendapatan keluarga, isu ini perlu dilihat secara diplomatik dan memerlukan tindakan berbentuk intervensi sosial terhadap keluarga tersebut. Sekiranya aktiviti yang dijalankan ini boleh menjejaskan pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa berusaha melindungi dan membantu kanak-kanak daripada semua bahaya termasuk pengabaian, penderaan, diskriminasi dan eksploitasi. Bantuan dan perkhidmatan disediakan kepada kanak-kanak dan keluarga kanak-kanak sekiranya mereka memerlukan bantuan untuk dapat meneruskan kelangsungan hidup. Antara bantuan dan perkhidmatan yang disediakan adalah:

- i. Bantuan kewangan kepada keluarga jika didapati langkah itu bersesuaian dengan kebolehan keluarga untuk meneruskan hidup dan mengelak dari kanak-kanak menjalankan penjajaan yang boleh menjejaskan keselamatan dan masa depan mereka;
- ii. Perkhidmatan kaunseling kepada kanak-kanak untuk mengendalikan keperluan emosi kanak-kanak. Kaunseling kepada keluarga dan program keibubapaan akan turut diberikan bagi

- memastikan mereka mengetahui aspek keselamatan dan perlindungan kanak-kanak.
- iii. Kanak-kanak diletakkan di bawah jagaan orang yang layak dan sesuai di bawah Seksyen 30(1)(b) Akta Kanak-Kanak 2001 supaya mereka boleh terus hidup dalam suasana kekeluargaan.
 - iv. Sekiranya keluarga tidak mampu untuk menjaga kanak-kanak, kanak-kanak boleh diambil ke dalam jagaan di institusi JKM untuk jagaan dan perlindungan di bawah Seksyen 30 (1) (d). Di samping itu terdapat juga Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah JKM boleh memainkan peranan membantu melindungi kanak-kanak ini. Namun, ini adalah langkah terakhir selepas usaha-usaha lain dilaksanakan.
 - v. Bagi ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang diselamatkan, mereka boleh dikenakan tindakan iaitu menyempurnakan bon dengan perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah perenggan 30(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memastikan mereka benar-benar melaksanakan tanggungjawab yang sewajarnya terhadap anak mereka.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian juga telah membuat pindaan terhadap peruntukan Seksyen 32 Akta Kanak-Kanak 2001 iaitu meningkatkan hukuman denda dan pemenjaraan sedia ada serta memasukkan Khidmat Masyarakat (*community service*) sebagai hukuman tambahan mandatori kepada ibu bapa atau penjaga yang telah menyebabkan atau mengakibatkan kanak-kanak untuk mengemis, menerima sedekah, menjaja atau menjalankan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Bagi kesalahan ini, tempoh maksimum pemenjaraan dinaikkan daripada 2 tahun kepada 5 tahun, denda dinaikkan daripada RM5,000.00 kepada RM20,000.00 atau kedua-duanya dengan Khidmat Masyarakat sebagai hukuman mandatori.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
[PENDANG]**

TARIKH : 9.3.2017

SOALAN :

Dato' Wira Othman Bin Abdul [Pendang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah pelajar-pelajar cemerlang dari sekolah swasta tidak dibenarkan memasuki sekolah berasrama penuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Memperkasakan Sekolah Kebangsaan (SK) adalah asas yang digunakan dalam syarat dan kriteria pemilihan murid ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Oleh itu, calon murid yang bersekolah selain daripada sekolah aliran perdana yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia tidak dipertimbangkan dalam pengambilan ke SBP.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK
BADAK [LUBOK ANTU]**

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 55

Datuk William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA** menyatakan sekiranya ada perancangan untuk menyediakan lebih banyak lagi kemudahan menara komunikasi di kawasan terpencil di kawasan parlimen Lubok Antu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Ppenambahbaikan liputan komunikasi terutama di kawasan luar bandar merupakan usaha berterusan yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Oleh itu, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang melaksanakan inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih di kawasan yang kurang diberi perkhidmatan di seluruh negara termasuk di Parlimen Lubok Antu. Inisiatif ini melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan

SOALAN NO : 55

penaiktarafan menara komunikasi sedia ada kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G.

Sehingga kini, sebanyak 14 buah menara komunikasi baharu telah dibina dan beroperasi manakala, sebanyak empat (4) buah menara komunikasi sedia ada telah dinaik taraf kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G di Parlimen Lubok Antu.

Pihak SKMM sedang menjalankan kajian secara menyeluruh bagi mengenal pasti kawasan-kawasan yang memerlukan liputan jalur lebar di seluruh negara. Tambahan menara baru di Parlimen Lubok Antu akan dilaksanakan pada akhir tahun 2017 jika terdapat keperluan bagi penambahbaikan liputan jalur lebar sedia ada.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

TARIKH : 9 MAC 2017

**SOALAN : Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU]
minta **MENTERI LUAR NEGERI** perkara-
perkara, Perjanjian Perdamaian Antara
Republik China dan Jepun 1952 :-**

(a) adakah perkara-perkara tersebut yang menyentuh kedaulatan kepulauan Spratly mempunyai implikasi undang-undang antarabangsa; dan

(b) apakah pendirian Malaysia jikalau Republik China merujuk perkara-perkara tersebut ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa untuk menuntut kedaulatan Spratly.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Sibu di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Secara umumnya, isu Laut China Selatan melibatkan dua aspek:-

Pertama, keperluan memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *freedom of navigation and over-flight*.

Kedua, tuntutan bertindih melibatkan beberapa buah negara iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Vietnam serta China.

Tuan Yang di-Pertua,

3. **Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua negara mestilah memastikan keamanan dan kestabilan, dan sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan, menimbulkan ketegangan, kebimbangan dan kecurigaan serta bersifat provokatif hendaklah dielakkan. Di dalam konteks ini, *non-militarisation, self-restraint* serta mengelakkan penggunaan kekerasan adalah amat kritikal.**

4. Berhubung **tuntutan bertindih** di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian ia hendaklah **diselesaikan secara aman**. Semua **tuntutan dan penyelesaiannya** melalui rundingan dan sebagainya mestilah **berdasarkan undang-undang antarabangsa** termasuklah **Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982** atau **UNCLOS 1982**. Penyelesaian pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau Tribunal Timbangtara merupakan opsiyen yang diberikan oleh undang-undang antarabangsa.

5. **Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine-dash line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah UNCLOS 1982.**

6. Malaysia juga berpendirian bahawa **tidak wujud sebarang tuntutan bertindih atau pertikaian wilayah di antara Malaysia dan China di Laut China Selatan.**

7. Malaysia turut berpendirian bahawa semua ciri-ciri geografi atau dengan izin *maritime features* yang terdapat di dalam kawasan maritim Malaysia merupakan kepunyaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani **Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Declaration***

on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC) pada 4 November 2002.

9. Melalui *DOC*, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

10. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang berusaha untuk mewujudkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***.

11. Sayugia saya nyatakan bahawa *DOC* serta *COC* yang sedang diusahakan bukanlah instrumen untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Berhubung dengan kehadiran dan penempatan tentera oleh pihak China, saya ingin maklumkan bahawa kehadiran dan penempatan tentera ini di Laut China Selatan tidak melibatkan kawasan maritim Malaysia. Oleh yang demikian pada hemat saya, ia tidak memberikan kesan secara langsung kepada kepentingan dan keselamatan negara. Walau bagaimanapun, tindakan China berpotensi meningkatkan ketegangan serantau dan mengubah dinamik geopolitik di kawasan Laut China Selatan.

13. Saya juga ingin maklumkan bahawa undang-undang antarabangsa termasuklah *UNCLOS 1982* memperuntukkan hak kebebasan pelayaran, atau dengan izin, *freedom of navigation* kepada

kapal-kapal asing termasuklah kapal perang dan kapal penguatkuasa di dalam kawasan perairan Malaysia. Sehubungan dengan itu, kehadiran kapal-kapal ini di dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia tidak boleh dibantah melainkan kapal-kapal ini melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan aspek pelayaran seperti melaksanakan penguatkuasaan, mengganggu aktiviti kapal-kapal dan sebagainya.

14. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, Kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Segala isu akan diteliti dari segenap aspek dan sebarang tindakan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

15. Rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan keselamatan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara.

16. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]**

TARIKH : 9.3.2017 (KHAMIS)

SOALAN : 57

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan menaik taraf dan mengaspal Jalan Telaga dalam daerah Pitas yang merupakan jalan ramai pengguna luar bandar dan mendapat rungutan paling banyak sekali.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Menaiktaraf Jalan Telaga, Pitas telah disenaraikan dalam permohonan pelaksanaan Projek Jalan Luar Bandar di bawah RMKe-11, RP 3 Tahun 2018. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

NO. SOALAN: 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH : 9 MAC 2017

RUJUKAN : 9613

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan warga migran yang telah menggunakan perkhidmatan Bestinet dan MyEG mengikut pecahan warganegara, jantina, tahun, industri terlibat dan status kelulusan yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) merekodkan seramai 60,053 orang pekerja asing yang menggunakan perkhidmatan Bestinet bagi tujuan kelulusan Visa Dalam Rujukan (e-VDR) manakala 1,032,322 orang pekerja asing menggunakan perkhidmatan MyEG bagi tujuan pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) bagi tahun 2016,.

Pecahan mengikut warganegara yang menggunakan Bestinet pada tahun 2016 bagi kelulusan e-VDR adalah seperti berikut:

- i) Indonesia: 45,913 orang dengan pecahan 41,995 orang lelaki dan 3,918 orang perempuan;**
- ii) Nepal: 7,076 orang dengan pecahan 7,063 orang lelaki dan 13 orang perempuan;**
- iii) Bangladesh: 1,377 orang dengan pecahan 1,374 orang lelaki dan 3 orang perempuan;**
- iv) Filipina: 2,842 orang, kesemuanya perempuan;**
- v) Sri Lanka: 2,841 orang dengan pecahan 2,278 orang lelaki dan 563 orang perempuan; dan**
- vi) Vietnam: 4 orang, kesemuanya lelaki.**

Statistik JIM mengenai perkhidmatan MyEG dan Bestinet terbahagi kepada 6 jenis industri iaitu perkilangan, pembinaan, perladangan, perkhidmatan, pertanian dan pembantu rumah. Pecahan mengikut warganegara yang menggunakan perkhidmatan MyEG pada tahun 2016 bagi tujuan pembaharuan PLKS adalah seperti berikut:

- i) Indonesia: 314,700 orang dengan pecahan 268,989 orang lelaki dan 45,711 orang perempuan;**
- ii) Nepal: 165,970 orang dengan pecahan 163,970 orang lelaki dan 2,000 orang perempuan;**
- iii) Bangladesh: 21,026 orang dengan pecahan 19,919 orang lelaki dan 1,107 orang perempuan;**
- iv) Myanmar: 10,945 orang dengan pecahan 10,136 orang lelaki dan 809 orang perempuan;**
- v) India: 1,487 orang dengan pecahan 762 orang lelaki dan 725 orang perempuan;**
- vi) Pakistan: 5,960 orang dengan pecahan 5,349 orang lelaki dan 611 orang perempuan;**
- vii) Filipina: 44,514 orang dengan pecahan 9,792 orang lelaki dan 34,722 orang perempuan;**
- viii) Vietnam: 74,271 orang dengan pecahan 55,844 orang lelaki dan 18,427 orang perempuan;**
- ix) China: 149,334 orang dengan pecahan 85,982 orang lelaki dan 63,352 orang perempuan;**
- x) Thailand: 46,989 orang dengan pecahan 45,792 orang lelaki dan 1,197 orang perempuan;**

- xi) Sri Lanka: 165,183 orang dengan pecahan 163,970 orang lelaki dan 1,213 orang perempuan;**
- xii) Kemboja: 19,257 orang dengan pecahan 2,588 orang lelaki dan 16,669 orang perempuan; dan**
- xiii) Laos: 12,686 orang dengan pecahan 1,759 orang lelaki dan 10,927 orang perempuan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Dato' Ir. NAWAWI BIN AHMAD
[LANGKAWI]**

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 59

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian dalam membanteras operasi-operasi jeti haram yang membolehkan operator bot yang tidak mempunyai lesen beroperasi tanpa mematuhi peraturan keselamatan yang ditetapkan dan boleh membawa kepada kemalangan jiwa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Pengangkutan sememangnya memandang serius mana-mana operator bot-bot tidak berlesen yang beroperasi tanpa mematuhi peraturan keselamatan yang ditetapkan sama ada ianya beroperasi melalui jeti haram mahupun jeti awam atau swasta yang dibenarkan. Dalam konteks pengoperasian bot-bot di jeti-jeti yang dibenarkan, mekanisme 'ship clearance' dengan izin diguna pakai di mana bot-bot diperiksa bukan sahaja dari aspek lesen tetapi juga kebolehlayaran dan penyediaan peralatan keselamatan yang ditetapkan.

Selain itu, Kementerian Pengangkutan pada 2 Jun 2011 melalui Akta A1393 telah meminda kadar denda sedia ada bagi kesalahan bot-bot yang beroperasi tanpa lesen atau melanggar syarat-syarat keselamatan kepada tidak melebihi RM10,000. Dari aspek penguatkuasaan, pelbagai agensi terlibat sama seperti Jabatan Laut Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Pasukan Polis Gerakan Marin bagi memeriksa keselamatan bot-bot yang beroperasi termasuk memantau aktiviti jeti-jeti haram.

Pada masa yang sama, pendekatan dengan mengadakan kempen-kempen kesedaran keselamatan marin di kalangan pengusaha bot dan feri serta penumpang sering diadakan oleh Jabatan Laut Malaysia. Kempen-kempen ini bertujuan memberi kesedaran khususnya kepada penumpang termasuk kepentingan untuk menggunakan perkhidmatan bot yang sah di jeti-jeti yang dibenarkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]
TARIKH : 9.3.2017 (KHAMIS)

Dato' Mansor Bin Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan usaha-usaha ataupun insentif-insentif tertentu Kementerian bagi membantu koperasi-koperasi dapat memiliki aset , seperti pembelian aset sendiri.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga 31 Disember 2016, gerakan koperasi telah berjaya mencapai perolehan sebanyak RM35.26 bilion dan akan terus melaksanakan program untuk mencapai sasaran perolehan sebanyak RM50 bilion menjelang tahun 2020 selaras dengan Dasar Koperasi Negara 2011-2020.

Dalam usaha menjadikan gerakan koperasi berdaya saing dan berdaya tahan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sentiasa memberi galakan dan insentif bagi mengembangkan aktiviti perniagaan dan memiliki aset sendiri. Bagi tujuan itu, pembiayaan Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi (TMP-JPK) telah disediakan sejak tahun 1985 untuk memberi pembiayaan mudah kepada koperasi bagi menjalankan projek-projek yang berdaya maju dan pembelian aset seperti bangunan, tanah dan kenderaan. Had maksimum pembiayaan TMP-JPK bagi sesebuah koperasi adalah sebanyak RM10 juta dan pembiayaan tanpa cagaran sebanyak RM50,000.00.

Koperasi juga layak untuk mendapat pembiayaan daripada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Koperasi Co-opbank Persatuan Malaysia Berhad (Co-opbank Persatuan).

Selain itu, program pembangunan modal insan (*mentoring and coaching*) turut dilaksanakan dari segi pemindahan pengetahuan, pengalaman, kepakaran kepada koperasi bagi memantapkan perniagaan koperasi. Program padanan perniagaan serta khidmat

nasihat turut diberikan kepada koperasi dalam usaha untuk memantapkan perniagaan koperasi seterusnya membolehkan koperasi memiliki aset melalui perniagaan yang diceburi.

Kemudahan Bantuan Pembangunan kepada koperasi turut diberikan bagi tujuan memantapkan perniagaan yang diceburi. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk penambahbaikan infrastruktur bagi membolehkan koperasi menjalankan perniagaan seperti bantuan pembelian peralatan, mesin dan kelengkapan untuk perniagaan koperasi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN
(TEMERLOH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.03.2017

Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian akan memperhalusi semula penentuan harga minyak mentah dengan kenaikan paras harga minyak mentah dunia kesan dari ketidakstabilan mata wang ringgit ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penentuan harga runcit petrol dan diesel di Malaysia adalah berdasarkan mekanisme pengapungan terkawal (*managed float*). Kerajaan telah melaksanakan mekanisme ini sejak 1 Disember 2014 di mana harga runcit petrol RON 95 dan diesel di pasaran ditentukan

berdasarkan purata harga minyak mentah dunia produk tersebut pada bulan sebelumnya. Sehubungan itu, secara amnya, harga runcit RON95 dan diesel di pam akan berubah pada setiap bulan bergantung kepada turun naik harga minyak mentah di pasaran dunia.

Pelaksanaan mekanisme pengapungan terkawal ini adalah salah satu langkah rasionalisasi subsidi Kerajaan bagi menstruktur semula dan mengalih secara berperingkat kaedah pemberian subsidi secara pukal kepada subsidi yang lebih bersasar. Di bawah prinsip ini, pemberian subsidi tetap diteruskan tetapi disasarkan secara terus hanya kepada golongan berpendapatan rendah yang benar-benar memerlukan.

Selain itu, pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi ini adalah bagi meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan negara serta menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang lebih cekap. Ketirisan perbelanjaan Kerajaan juga dapat dikurangkan khususnya melalui pengurangan kegiatan penyeludupan dan penyelewengan serta penggunaan barangan bersubsidi oleh warga asing.

Pada masa ini, sekiranya harga minyak mentah dunia semakin meningkat, Kerajaan tetap komited dengan langkah konsolidasi fiskal

dan tidak bercadang untuk kembali kepada mekanisme pengagihan subsidi secara pukal yang tidak cekap.

Tuan Yang Di-Pertua,

Penjimatan yang diperoleh pada tahun 2015 melalui rasionalisasi subsidi bahan api iaitu dengan pelaksanaan mekanisme pengapungan terkawal (*managed float*) ini adalah berjumlah kira-kira RM16 bilion. Sebahagian daripada penjimatan yang diperoleh tersebut disalurkan semula secara terus kepada kumpulan sasar dalam bentuk bantuan tunai seperti BR1M dan bantuan persekolahan, manakala sebahagian lagi digunakan untuk pembiayaan program dan projek pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat. Ini termasuk menyediakan peruntukan untuk perkhidmatan pendidikan dan kesihatan, pembangunan masyarakat di bandar dan luar bandar serta menambah baik sistem pengangkutan awam. Di samping itu, Kerajaan terus menyediakan insentif bagi meningkatkan pengeluaran produk pertanian seperti padi dan getah serta perikanan yang turut memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Pelaksanaan langkah rasionalisasi subsidi adalah bagi memastikan kecekapan pengurusan kewangan Kerajaan terjamin serta subsidi yang disalurkan memberi manfaat terus kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN IDRIS BIN AHMAD [BUKIT GANTANG]

TARIKH : 9.3.2017

SOALAN :

Tuan Idris Bin Ahmad [Bukit Gantang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status projek Sekolah Kebangsaan Jelapang Jaya, Simpang Taiping yang terbengkalai sejak beberapa tahun yang lalu, apakah permasalahan yang berlaku sehingga tergendala projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja tapak untuk pembinaan SK Seri Jelapang, Simpang, Taiping, Perak telah bermula pada tahun 2009. Kerja-kerja pemadatan tanah *dynamic compaction* telah dilakukan oleh pihak 'specialist' yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bagi kerja-kerja untuk lapisan pertama pemadatan tanah telah pun dilakukan tetapi *unsuitable material* dan air sedia ada masih timbul dan keluar dari dalam tanah. Air sedia ada tidak dapat disalir keluar kerana tiada saluran yang betul untuk mengalirkan air tersebut ke sungai berhampiran. Ini menyebabkan kerja-kerja pemadatan tanah untuk

lapisan kedua terpaksa dihentikan selepas kos meningkat melebihi kelulusan yang diberi.

Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengemukakan permohonan baru untuk meneruskan projek ini dalam *Rolling Plan 3 Rancangan Malaysia Ke-11*.

RJM29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
(POKOK SENA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.03.2017

Y.B. DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Khazanah Nasional yang bertanggungjawab mengendalikan Syarikat Penerbangan Malaysia, apa faedah yang diperoleh daripada kerjasama JV antara MAS dengan Lufthansa Technik Ag dari Jerman dalam mengurus kejuruteraan MAS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia Airlines Bhd (MAB) pada 25 Mei 2016 telah mengumumkan satu usaha sama strategik dengan Lufthansa Technik AG untuk membangunkan pusat kecemerlangan serantau (*regional centre of excellence*) bagi

penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) pesawat. Kemudahan MRO ini dicadang ditempatkan di kemudahan MAB sedia ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) khusus bagi menyediakan perkhidmatan MRO bagi pesawat Boeing 737 dan Airbus A320.

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha sama strategik ini dijangka akan dapat meningkatkan kemahiran dan keupayaan teknikal serta pemindahan teknologi termasuklah peralatan teknikal yang bertaraf dunia kepada MAB dan negara. Kerjasama dengan Lufthansa Technik AG, salah satu syarikat MRO yang terunggul di dunia akan membolehkan MAB mengembangkan perkhidmatan MRO-nya kepada rantau ini. Selain itu, usaha sama ini juga akan menghasilkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Buat masa kini, MAB dan Lufthansa Technik AG masih dalam proses rundingan sebelum sebarang perjanjian dimuktamadkan antara kedua-dua belah pihak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB PUAN TERESA KOK SUH SIM**
 : **[SEPUTEH]**
TARIKH : **9 MAC 2017 [KHAMIS]**
SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan berbanding dengan permohonan. Nyatakan bilangan perintah yang berjaya dilaksanakan dan bilangan penerima nafkah yang diberi sokongan melalui Bahagian Sokongan Keluarga berbanding dengan jumlah perintah.

JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan perintah nafkah di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada tahun 2016 adalah sebanyak 456 kes. Dari jumlah tersebut, sebanyak 333 kes telah

berjaya dikeluarkan perintah, manakala sebanyak 123 kes lagi yang masih dalam prosiding di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.

Berhubung bilangan perintah yang berjaya dilaksanakan melalui Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Wilayah Persekutuan, dimaklumkan bahawa sejak BSK beroperasi di Wilayah Persekutuan pada tahun 2009, bilangan perintah yang berjaya dikuatkuasakan melalui bantuan BSK adalah sebanyak 1,311 kes. Manakala bilangan penerima dana daripada BSK adalah seramai 106 orang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah tambahan bagi melindungi nelayan dan perairan Malaysia, khususnya di Pantai Timur Semenanjung, dari pencerobohan dan gangguan nelayan-nelayan asing setelah beberapa pertemuan diadakan dengan Menteri-Menteri berkenaan.

Jawapan: YB DATO'SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDADA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Maritim Malaysia dalam menguatkuasakan undang-undang di Zon Maritim Malaysia terutamanya di bawah Akta Perikanan 1985 bagi memantau aktiviti pencerobohan nelayan di zon larangan. Dalam masa sama, Maritim Malaysia telah meningkatkan rondaan dan kehadiran di perairan negara dengan mengoperasikan 7 hingga 10 vesel setiap hari di setiap Wilayah sebagai langkah untuk mengawal isu pencerobohan nelayan asing di perairan negara. Kawasan yang cenderung untuk diceroboh oleh bot nelayan asing telah dikenalpasti dan rondaan serta pemeriksaan berkala juga diteruskan. Dalam masa yang sama bot-bot samaran beserta Unit Khas juga turut ditugaskan.

Agensi ini juga sering mengadakan program gerak saraf yang dijenamakan sebagai Sahabat Maritim bagi mendedahkan kepada komuniti maritim terutamanya persatuan-persatuan nelayan terhadap keselamatan yang perlu dititikberatkan semasa berada di laut. Komuniti maritim ini berperanan sebagai mata dan telinga terhadap agensi di dalam menyalurkan maklumat berkenaan isu pencerobohan dan gangguan nelayan-nelayan asing ini.

Maritim Malaysia telah meningkatkan pengawasan udara terutamanya di kawasan Pantai Timur Semenanjung yang sering diceroboh dan diganggu oleh nelayan-nelayan asing khususnya di

Perairan Pantai Timur. Selain itu, Maritim Malaysia dalam proses menerima enam buah kapal ronda *New Generation Patrol Crafts* (NGPC) secara berperingkat pada tahun 2017 dalam usaha untuk mempertingkatkan rondaan dan pengawasan di perairan negara. Kapal-kapal ini akan dilengkapi dengan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) untuk tujuan tinjauan. Maritim Malaysia juga dalam cadangan pembinaan pangkalan di Kuantan, di mana ia akan menempatkan sebuah *Offshore Patrol Vessel* (OPV) iaitu KM Pekan yang diterima daripada kerajaan Jepun bagi mengoptimumkan operasi di Perairan Pantai Timur khususnya dan Laut China Selatan amnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.03.2017

Y.B. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan asas perkiraan
penyelarasan bulanan harga runcit petrol dan diesel.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melaksanakan penetapan harga runcit petrol dan diesel berdasarkan harga pasaran dunia mengguna pakai formula *Automatic Pricing Mechanism* (APM) mulai 1 Disember 2014. Berdasarkan kaedah ini, perubahan harga runcit petrol dan diesel di negara ini dibuat setiap

bulan untuk dilaksanakan mulai setiap 1 haribulan.

2. Kos utama yang menjadi komponen dalam formula APM tersebut ialah kos sebenar produk petrol dan diesel yang telah siap diproses (*refined product*) dan kadar pertukaran mata wang ringgit Malaysia berbanding US dolar. Ini memandangkan urusan dagangan minyak di pasaran dunia adalah dilakukan dalam nilai mata wang US dolar. Di samping itu, kos selainnya yang terdiri daripada komponen tertentu seperti kos pengendalian operasi dan margin syarikat minyak serta komisen pengusaha stesen minyak juga di ambil kira dalam formula APM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL
(KUALA KEDAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.03.2017

Y.B. DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah sebenar hutang dan tanggungan 1MDB sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Hutang dan tanggungan syarikat 1MDB akan dibiayai melalui penjualan aset, pertukaran aset bersama hutang dan pembangunan hartanah melalui proses Pelan Rasionalisasi.

Tuan Yang Dipertua,

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada 7 April 2016 telah mengeluarkan laporan menyeluruh mengenai 1MDB yang bertajuk “Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1Malaysia Development Berhad (1MDB)”. Laporan ini telah dibentangkan kepada semua ahli Yang Berhormat di Parlimen dan boleh dimuat turun dari laman web PAC. Segala butiran terperinci hutang syarikat 1MDB serta Penyata Aliran Tunai bagi Pelan Rasionalisasi untuk membayar balik hutang boleh didapati di dalam muka surat 80 laporan PAC tersebut.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. USTAZ DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI
KAWASAN : KUALA NERUS
TARIKH : 9 MAC 2017, KHAMIS

SOALAN:

YB. USTAZ DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah kutipan tol di LPT2 sejak ia dikuatkuasakan dan jelaskan penyelenggaraan atau pembangunan yang dilaksanakan hasil daripada kutipan tol tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan tol di Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) dari tarikh kuat kuasa kutipan tol pada 15 Julai 2016 hingga 31 Disember 2016 ialah sebanyak RM40.5 juta. Sebahagian besar daripada hasil kutipan tol itu dibelanjakan bagi menampung kos operasi dan penyelenggaraan (O&M) lebuhraya berkenaan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi LPT2 Sdn Bhd..

Di samping menampung kos rutin O&M setiap bulan, hasil kutipan tol itu turut digunakan oleh syarikat konsesi terlibat untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan utama ('major repairs work') di LPT2 seperti berikut:

- Membaiki struktur 'pavemen' atau permukaan jalan yang rosak dan beralun di 16 lokasi – melibatkan jarak keseluruhan sepanjang 20,285 meter;
- Membaiki pagar-pagar rezab lebuh raya yang telah dirosakkan/diceroboh – melibatkan jarak keseluruhan sepanjang 20,153 meter;
- Membaiki struktur cerun melibatkan 16 lokasi keseluruhan; dan
- Membaiki dan naik taraf tandas dan surau di kesemua kawasan R&R lebuh raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai agensi kawal selia lebuh raya sentiasa memantau dan memastikan semua kerja penyelenggaraan lebuh raya dilaksanakan oleh syarikat konsesi itu mengikut tempoh masa dan piawaian yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Di samping itu – bagi tujuan meminimumkan risiko kemalangan di LPT2 – langkah-langkah intervensi yang bersesuaian turut dilaksanakan oleh kementerian ini dengan kerjasama dari pelbagai agensi yang terlibat.

Sekian, Terima Kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]**

TARIKH : 9 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

(a) senarai ahli Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan; dan

(b) jumlah elaun yang diberi kepada ahli-ahli majlis tersebut dan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada majlis-majlis tersebut sejak 2008 mengikut kegunaan dan amaun perbelanjaan yang terperinci.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Majlis Tindakan Persekutuan Negeri (MTPNg) terdiri daripada Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang dilantik oleh Pengerusi, pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan Persekutuan, Badan-badan berkanun Persekutuan dan Lembaga Kemajuan Wilayah yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tiada elaun yang diberikan kepada ahli-ahli MTPNg dan tiada peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada MTPNg.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF
TARIKH : 9.3.2017
SOALAN : NO. 71

Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof [Parit Buntar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah benar bahawa segala aktiviti-aktiviti kaji selidik oleh pihak universiti awam tertangguh akibat pemotongan belanjawan 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan untuk memperkasa lagi penyelidikan pendidikan tinggi bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM 400 juta, iaitu tambahan sebanyak RM 30 juta berbanding peruntukan sebelumnya sebanyak RM 370 juta bagi tahun 2016. Oleh yang demikian, aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di universiti-universiti awam (UA) tidak akan terjejas, sebaliknya usaha R&D ini akan diteruskan dan ditingkatkan mengikut perancangan bagi memastikan hasil penyelidikan universiti-universiti tempatan dapat terus diperkukuhkan bukan sahaja peringkat nasional, bahkan di peringkat antarabangsa.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) juga sentiasa memberikan keutamaan terhadap pelbagai agenda penyelidikan agar sentiasa dapat memberi manfaat kepada masyarakat, ekonomi, akademik dan industri.

Sebagai tambahan, KPT juga telah mengumumkan bahawa tahun 2017 merupakan tahun *Translational Research* di mana penyelidikan-penyelidikan yang dilaksanakan pada tahun ini bertepatan dengan agenda nasional dan dapat memberi manfaat secara langsung kepada pelbagai lapisan masyarakat.

Selain itu, KPT telah mengambil beberapa langkah proaktif melalui penyusunan semula pelaksanaan penyelidikan mengikut keutamaan dan dalam bidang-bidang strategik penting yang lain sebagai langkah perkongsian sumber, di samping meningkatkan lagi reputasi UA melalui pengembangan jaringan kerjasama dengan pelbagai sektor dan institusi pendidikan tinggi (IPT) dalam dan luar negara secara lebih meluas.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ
(PASIR MAS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 09.03.2017

**Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR
MAS]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah
Kementerian akan menetapkan harga siling bagi penetapan harga
minyak petrol runcit di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Buat masa ini, Kerajaan akan terus mengguna pakai kaedah apungan terkawal menggunakan formula *Automatic Pricing Mechanism* dalam menetapkan harga runcit petrol dan diesel di negara ini. Berhubung cadangan menetapkan harga siling bagi produk petroleum meliputi RON97, RON95 dan diesel di stesen minyak, ia masih lagi di peringkat kajian dan penelitian lanjut oleh

Kerajaan dengan penglibatan secara langsung oleh agensi-agensi yang berkenaan seperti Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

NO. SOALAN : 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH]**

TARIKH : 9 MAC 2017

SOALAN :

YB. Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan penutupan Pejabat Negeri Tourism Malaysia di seluruh negara merupakan langkah strategik yang diambil Kementerian bagi mengurangkan kos dan mengelakkan pertindihan tugas antara agensi pusat dan Kerajaan Negeri. Justeru, apakah perancangan terperinci Kementerian untuk menyelaraskan semula tugas dan fungsi berkaitan pelancongan khususnya yang dipertanggungjawabkan kepada Tourism Malaysia sebelum ini.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, hanya 10 pejabat negeri Tourism Malaysia yang akan ditutup, manakala 4 pejabat akan dikekalkan menjadi pejabat Wilayah seperti berikut :

- i. Wilayah Tengah di Kuala Lumpur
(Meliputi : Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan)
- ii. Wilayah Utara di Pulau Pinang;
(Meliputi : Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis)
- iii. Wilayah Selatan di Johor;
(Meliputi : Johor dan Melaka)
- iv. Wilayah Pantai Timur di Pahang
(Meliputi : Pahang, Kelantan dan Terengganu)

Bagi Sabah dan Sarawak, kedua-dua Pusat Penerangan Pelancongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Kuching akan diperkasakan dan bertindak sebagai "mini Tourism Malaysia". Tourism Malaysia akan juga mengekalkan Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) di negeri-negeri seperti sedia ada untuk memudahkan penyebaran maklumat kepada pelancong.

Fungsi pejabat-pejabat wilayah Tourism Malaysia adalah seperti berikut :

- i. Menguruskan kesemua Pusat Penerangan Pelancongan di setiap negeri;
- ii. Bertindak sebagai sudut rujukan/ nasihat kepada penggiat industri pelancongan seperti hotel, agensi pelancongan, pengusaha produk pelancongan dan persatuan-persatuan pelancongan dalam kempen promosi pelancongan;
- iii. Mengkordinasi aktiviti promosi pelancongan domestik berdasarkan program yang diusahakan oleh ibu pejabat.
- iv. Membantu segala inisiatif kajian-kajian berkaitan pelancongan yang dibuat oleh Tourism Malaysia dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; dan
- v. Mengemaskini segala inventori produk-produk pelancongan di setiap negeri agar dapat diwujudkan pakej-pakej dan dipromosikan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : ~~76~~ 74

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OOI CHUAN AUN [JELUTONG]

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN:

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana peruntukan Bajet 2017 sebanyak RM496 juta bagi rancangan tebatan banjir telah diagihkan bagi setiap negeri, termasuk Pulau Pinang

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam Bajet 2017, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah diperuntukkan sebanyak RM495 juta bagi pelaksanaan sebanyak 69 projek Rancangan Tebatan Banjir termasuk 2 projek saliran bandar di seluruh negara.

Pengagihan ini dibuat adalah berdasarkan kepada agihan peruntukan tebatan banjir yang diberikan kepada negeri-negeri adalah berdasarkan kepada keperluan aliran tunai selaras dengan proses kerja dan tempoh masa dari peringkat rekabentuk, pengambilan balik tanah, tender dan juga pembinaan. Agihan peruntukan yang diluluskan ini juga adalah merangkumi pelaksanaan projek baru dan sambungan dan terhad kepada batas siling peruntukan tahunan yang telah ditetapkan kepada setiap kementerian selaras dengan bajet pembangunan negara yang ditetapkan.

Pada masa yang sama, Kementerian juga mengambil kira akan tahap keseriusan kejadian banjir di sesebuah negeri ketika menentukan agihan peruntukan yang dibuat.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar]

TARIKH : 9 Mac 2017

SOALAN : Ir. Shaharuddin Bin Ismail minta
MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-
adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan bantuan atau insentif bagi meringankan beban nelayan seperti bantuan pembelian separuh harga untuk enjin, pukat serta bot dan adakah Kementerian mempunyai kerjasama yang efektif bersama NGO yang lain, bagi membantu golongan nelayan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam usaha bagi meringankan beban nelayan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai program sama ada dalam bentuk ekonomi mahupun sosial seperti:

(1) Elaun Sara Hidup Nelayan

Program ini bertujuan membantu meringankan beban golongan nelayan dalam menghadapi kenaikan kos sara hidup dan merupakan insentif kepada sektor industri perikanan supaya kekal berdaya maju.

Ia telah dilaksanakan bermula Jun 2008 dan bermula tahun 2015, kadar elaun sara hidup nelayan adalah RM300 bagi nelayan zon A, manakala bagi nelayan zon B, C dan C2, adalah sebanyak RM250 sebulan.

(2) Insentif Hasil Tangkapan Ikan

Kerajaan menyediakan Insentif Hasil Tangkapan Ikan kepada pemilik vesel zon A, B, dan C yang berlesen pada kadar RM0.10 sekilogram ikan yang didaratkan dan RM0.20 sekilogram kepada pemilik vesel zon C2.

Objektif program ini adalah bagi menggalakkan pendaratan hasil perikanan di dalam negara di samping mendapatkan maklumat mengenai pendaratan bagi setiap pemilik vesel.

(3) Skim Subsidi Diesel Dan Petrol

Program ini dilaksanakan bagi menampung sebahagian kos operasi penangkapan ikan nelayan akibat daripada kenaikan harga bahan api di pasaran di samping menggalakkan nelayan untuk keluar menangkap ikan bagi memenuhi keperluan bekalan ikan segar negara.

(4) Insurans Nelayan

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk membela nasib keluarga nelayan dan persediaan kewangan luar jangka nelayan sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini atau kemalangan. Kadar caruman adalah sebanyak RM100 setahun dan manfaat dan perlindungan yang disediakan adalah sehingga RM100,000.

(5) Tabung Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan

Objektif program ini adalah untuk memberi bantuan dan sumbangan segera dalam bentuk kewangan kepada nelayan yang terlibat dengan kemalangan, kemusnahan atau kerosakan harta benda serta kehilangan nyawa bagi meringankan beban mangsa dan keluarga.

(6) Projek Khas Perumahan Nelayan

Kerajaan dalam usaha untuk membantu nelayan memiliki kediaman yang selesa dan selamat telah memperkenalkan projek khas perumahan nelayan. Pelaksanaan projek ini terdiri daripada 3 kategori iaitu baik pulih rumah nelayan, bina baharu rumah nelayan dan penempatan semula nelayan.

(7) **Pinjaman Dana Nelayan**

Program ini dilaksanakan untuk menyediakan pinjaman mudah bagi pembelian bot dan peralatan baru atau meningkatkan keupayaan bot sedia ada. Pelaksanaan dana nelayan ini juga bertujuan mengurangkan kebergantungan dan pengaruh orang tengah dalam kehidupan masyarakat nelayan. Antara skim pinjaman di bawah dana nelayan adalah skim pinjaman nelayan komersial, skim pinjaman enjin dalam dan skim pinjaman nelayan pantai

(8) **Program Azam Tani dan *Touch Point***

Program ini dilaksanakan bagi memberi bantuan dari segi penyediaan premis dan infrastruktur, peralatan penangkapan ikan, mesin pemprosesan, benih-benih ternakan dan tanaman dan bahan mentah yang diperlukan bagi melaksanakan projek.

Selain itu, program ini turut menyediakan latihan pembangunan modal insan/jatidiri, keusahawanan dan latihan teknikal serta khidmat sokongan dan kemudahan pemasaran. Pemantauan dan bimbingan oleh jabatan dan agensi pelaksana juga dibuat secara berterusan bagi memastikan daya tahan dan maju projek.

Disamping itu, bagi membantu golongan nelayan ini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah bekerjasama rapat dengan Persatuan-Persatuan Nelayan di seluruh negara bagi memastikan bantuan diberikan sampai kepada golongan sasaran dan pemantauan projek dapat dibuat dari masa ke semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 9 MAC 2017

SOALAN :

YB Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah doktor dan doktor pakar di semua hospital-hospital daerah dan hospital besar di seluruh negeri Kelantan untuk tahun 2016 dan 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, jumlah Pegawai Perubatan secara keseluruhan yang sedang berkhidmat di seluruh negeri Kelantan termasuk di hospital daerah dan di hospital besar adalah seramai 1,581 bagi tahun 2016 dan 1,586 bagi tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, jumlah Pakar Perubatan adalah seramai 238 bagi tahun 2016 dan 240 bagi tahun 2017.

SOALAN (77)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 9 MAC 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN
MOHAMAD HANADZLAH
[TAMBUN]

SOALAN :-

YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa Korea Selatan yang pendapatan perkapitanya di belakang negara kita pada tahun-tahun 1960'an, 1970'an dan 1980'an, bermula tahun 1990 melonjak ke USD6,513 berbanding USD2,550 bagi negara kita dan pada tahun 2015 sebanyak 2.7 kali ganda lebih tinggi dari negara kita.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Korea Selatan telah mencatat pertumbuhan ekonomi yang amat memberangsangkan dengan pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar (KDNK) sebanyak 6.9 peratus setahun bagi tempoh 1970-2015. Pada masa yang sama, pendapatan per kapitanya turut meningkat daripada USD260 pada tahun 1970 kepada USD27,450 pada 2015 dengan purata kadar pertumbuhan sebanyak 10.9 peratus setahun bagi tempoh yang sama. Ini merupakan pencapaian yang tertinggi dalam dunia, melepasi negara dengan pertumbuhan pendapatan per kapita yang pesat seperti China sebanyak 9.8 peratus setahun, Singapura sebanyak 9.3 peratus, Hong Kong sebanyak 8.8 peratus, Indonesia sebanyak 8.4 peratus dan Malaysia sebanyak 7.8 peratus.

Berasaskan pertumbuhan yang amat memberangsangkan ini, Korea Selatan berjaya beralih daripada negara berpendapatan sederhana rendah kepada negara maju dan berpendapatan tinggi dalam masa 26 tahun, lebih cepat daripada Hong Kong mengambil masa 33 tahun dan Singapura 38 tahun. Faktor yang menyumbang kepada pencapaian

Korea Selatan boleh dikategori kepada tiga bidang, iaitu dasar ekonomi, pendidikan dan juga teknologi.

Dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan negara dan kesejahteraan rakyat, kejayaan dasar yang dilaksanakan oleh Korea Selatan sentiasa dijadikan penanda aras kepada Malaysia. Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mencapai sebuah negara berstatus negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Banyak strategi dan usaha telah dirancang dan dijalankan bagi menggiatkan lagi usaha dan memastikan matlamat status negara berpendapatan tinggi dicapai. Kerajaan telah menggariskan beberapa strategi jangka sederhana dan jangka panjang yang akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Kerajaan juga akan memberi penekanan untuk melaksanakan strategi bagi mengukuhkan lagi daya tahan ekonomi ke arah pembangunan yang inklusif. Antara strategi tersebut adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan produktiviti untuk memastikan pertumbuhan mampan dan inklusif;
2. Mengupayakan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang diterajui industri;

3. Menjana kekayaan melalui inovasi;
4. Menggalakkan pelaburan swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi;
5. Meningkatkan eksport untuk menambah baikimbangan perdagangan;
6. Meningkatkan fleksibiliti dasar fiskal untuk memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang lebih mampan; dan
7. Meningkatkan kesejahteraan rakyat, termasuk meningkatkan taraf hidup isu rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah.

Berdasarkan kepada langkah dan strategi yang dinyatakan di atas dan juga sokongan daripada semua pihak, Kerajaan yakin negara mampu untuk terus mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta berada di landasan untuk mencapai agenda ekonomi berpendapatan tinggi dan inklusif menjelang 2020.

Sekian, terima kasih.

9 Mac 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN AHMAD MARZUK BIN
SHAARY [BACHOK]**

TARIKH : 9 MAC 2017

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan laporan , rumusan dan syor yang telah diterima oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) daripada Pemantau Pilihan Raya pada Pilihan Raya Umum ke-13 lalu. Berapa dan siapakah pemantau pilihan raya jemputan dan lantikan SPR pada Pilihan Raya Umum ke-14 nanti.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah melantik 17 pemerhati tempatan dari kalangan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang terdiri daripada 5 NGO dari Semenanjung Malaysia, 9 NGO dari negeri Sarawak dan 3 NGO dari negeri Sabah semasa Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU Ke-13).

Di samping itu, SPR turut menjemput Pemerhati Pilihan Raya Antarabangsa yang terdiri dari Badan Pengurusan Pilihan Raya ASEAN iaitu dari Indonesia, Thailand, Kemboja, Myanmar dan Sekretariat ASEAN. Secara keseluruhannya, kesemua Pemerhati Tempatan dan Antarabangsa telah memberikan maklum balas dan komen yang positif terhadap penjalanan pilihan raya yang dikendalikan oleh SPR semasa PRU Ke-13.

Justeru, Pemerhati Tempatan dan Antarabangsa yang dilantik telah berpuas hati dan berpendapat bahawa SPR telah menjalankan tanggungjawab dengan cekap, telus dan efisien dalam mengendalikan pilihan raya di Malaysia. Berkenaan dengan pelantikan pemerhati bagi PRU Ke-14, SPR sedang meneliti dan mengkaji keperluan tersebut dan ia akan diputuskan oleh SPR kelak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HASAN BIN ARIFIN
KAWASAN : ROMPIN
TARIKH BAHAS : 9 MAC 2017 (KHAMIS)
NO. SOALAN : 79

YB Dato' Hasan Bin Arifin minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan penilaian Kementerian mengenai hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat untuk lima tahun akan datang dan langkah yang perlu diambil susulan perlantikan Donald Trump sebagai Presiden Amerika yang baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dan Amerika Syarikat (A.S.) mempunyai hubungan ekonomi dan perdagangan yang kukuh. Perlantikan Donald Trump sebagai Presiden A.S. yang baru dijangka tidak akan menjejaskan hubungan ekonomi di antara kedua-dua negara.

A.S. adalah rakan dagang ketiga terbesar bagi Malaysia pada tahun 2016, dengan jumlah dagangan sebanyak RM135.88 bilion iaitu peningkatan sebanyak 5.3 peratus. Dari jumlah ini, eksport mencatatkan

peningkatan sebanyak 8.9 peratus kepada RM80.23 bilion, didorong oleh eksport barangan perkilangan yang menyumbang 95.7 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke negara tersebut.

Dilihat dari segi tren perdagangan dua hala sejak 5 tahun yang lalu, jumlah perdagangan di antara Malaysia dan A.S. meningkat sebanyak 5.5 peratus dari RM109.88 billion pada tahun 2012 kepada RM135.88 bilion pada 2016. Dalam tempoh yang sama, jumlah eksport meningkat sebanyak 7.2 peratus dari RM60.79 billion pada tahun 2012 kepada RM80.23 billion pada 2016. Jumlah import meningkat sebanyak 3.2 peratus dari RM49.09 billion kepada RM55.65 billion.

Kementerian Perdagangan Antrabangsa dan Industri (MITI) serta agensi-agensi di bawah MITI akan terus menggiatkan aktiviti promosi perdagangan dan pelaburan ke A.S. Di antara program promosi eksport yang akan diadakan di A.S. pada tahun ini termasuk penyertaan di dalam Offshore Technology Conference di Houston, Texas dan SEMICON West 2017 di San Francisco, California. Penyertaan dalam kedua-dua aktiviti ini akan memberikan peluang untuk menengahkan produk-produk eksport utama negara ke A.S. iaitu minyak dan gas serta elektrik dan elektronik (E&E).

Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan terus mengadakan perbincangan dan dialog dengan syarikat-syarikat A.S. yang beroperasi di Malaysia melalui American Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM) dan U.S.-ASEAN Business Council. Pertemuan ini penting bagi bertukar pandangan mengenai isu-isu semasa yang dihadapi supaya terus membina keyakinan mereka terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang tepat dan rakan dagang yang penting.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING]

TARIKH : 9 MAC 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 80

Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan bagi mengatasi masalah kecenderungan rakyat terhadap tabiat menyebarkan kes-kes penderaan di laman sosial sehingga mampu mengaibkan seseorang berbanding terus melaporkan kepada pihak berkuasa.

JAWAPAN:

Salah satu pendekatan yang diambil oleh Kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam usaha untuk memupuk kewaspadaan eksploitasi kanak-kanak di kalangan ibu-bapa dan anak terutamanya dalam media sosial seperti Facebook dan WhatsApp adalah menerusi program "Klik Dengan Bijak" (KDB).

SOALAN NO: 80

Bermatlamatkan selamat, waspada dan tanggungjawab, program KDB ini menyarankan semua pihak mengamalkan kawal selia sendiri semasa di Internet demi melahirkan warganegara digital yang pintar.

Salah satu mesej utama advokasi yang disampaikan ialah peranan ibu bapa bagi melindungi keselamatan kanak-kanak semasa dalam talian. Ini termasuklah inisiatif kawal selia ibu bapa (*parental control*) serta kesedaran tentang bahaya *online grooming* dan *sexting*.

Ibu bapa juga disarankan agar peka terhadap tanda-tanda awal kemungkinan berlakunya eksploitasi terhadap kanak-kanak seperti perubahan sikap, emosi, dan masalah disiplin secara mendadak; mengasingkan diri dari keluarga dan rakan-rakan, terlalu berahsia dan sering menyendiri; tidak lagi berminat dalam aktiviti harian atau di luar sekolah; dan keluar rumah tanpa memberitahu keluarga/berjumpa dengan orang lain di tempat yang di luar kebiasaan.

Tindakan eksploitasi memberi kesan yang buruk jangka masa panjang terhadap kanak-kanak yang terlibat, terutamanya dari segi psikologi. Kandungan, seperti imej dan video, yang telah dimuat naik ke Internet dapat diakses pada bila-bila masa dan mengakibatkan trauma yang berulang kepada mangsa. Ia juga sukar dipadamkan dan boleh dikongsi dan seterusnya tular di Internet. Perkongsian luas kandungan sebegini boleh memberi kesan negatif kepada maruah kanak-kanak dan keluarga tersebut, terutamanya jika kandungan tersebut memaparkan kegiatan yang tidak selaras dengan moral/nilai masyarakat.

SKMM dan 6 ISP (*Internet Service Provider*) utama iaitu Celcom, UMobile, Digi, Maxis, TM dan TIME telah bekerjasama untuk

SOALAN NO: 80

membangunkan perisian pemantauan Internet untuk kegunaan para pengguna, terutamanya untuk menggalakkan proses kawal selia oleh ibu bapa terhadap penggunaan Internet anak-anak mereka.

Pihak Kerajaan sememangnya memandang berat terhadap penyebaran kandungan seperti gambar/video melibatkan kesalahan jenayah seperti penderaan yang disebar di media sosial. Bagi penyebaran kandungan sedemikian, masyarakat awam dinasihatkan agar memainkan peranan untuk tidak menyebarkan kandungan tersebut secara melulu, sebaliknya melaporkan kandungan-kandungan itu terus kepada pihak PDRM mahupun SKMM untuk tindakan susulan dan siasatan.

Tindakan memuat naik dan menyebarkan kandungan sedemikian juga boleh menjadi kesalahan sekiranya kandungan yang disebar tersebut menganiayai atau mengganggu orang lain. Pihak SKMM turut menyampaikan mesej kesedaran berhubung masalah ini melalui program Klik dengan Bijak yang dijalankan agar orang ramai lebih peka dan berhati-hati sebelum bertindak menyebarkan kandungan berunsur penderaan tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ABDUL GHAPUR BIN SALLEH**
KAWASAN : **KALABAKAN**
TARIKH : **9 MAC 2017 (KHAMIS)**
NO. SOALAN : **81**

SOALAN

YB. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH (KALABAKAN) minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan dengan penarikan diri Amerika Syarikat dari Perjanjian TPPA:

- a) Sejauh manakah kesan negatifnya terhadap perancangan sosioekonomi Negara khususnya yang melibatkan rakyat jelata; dan
- b) Apakah Kerajaan Malaysia sudah mempunyai dan bersedia untuk melaksanakan rancangan alternatif dan holistik dalam berhadapan dengan keputusan Amerika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Mengikut kajian kos faedah yang dijalankan oleh PricewaterhouseCoopers (PwC), penyertaan Malaysia di dalam TPPA akan dapat menjana peningkatan pelaburan langsung asing (FDI) ke negara ini diantara USD136-239 bilion dari tahun 2018-2027. Kajian tersebut juga menjangkakan bahawa selepas TPPA berkuatkuasa menjelang 2027, sebanyak 1-2 juta peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan samada melalui kemasukan syarikat multinasional antarabangsa (MNC) ataupun kerana MNC sedia ada di negara ini ingin mengembangkan lagi pelaburan mereka.

2. Tanpa penglibatan Amerika Syarikat dalam TPPA, status pelaksanaan perjanjian tersebut kini menjadi tanda tanya. Sekiranya TPP tidak dapat dilaksanakan, Malaysia tidak akan dapat menikmati peluang-peluang tambahan untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan melalui akses pasaran berkeutamaan yang ditawarkan bawah TPPA.

3. Susulan itu, Malaysia dan negara anggota TPPA lain sedang menimbang beberapa alternatif sebagai langkah seterusnya. Pada masa kini, terdapat tiga kelompok negara dengan pandangan masing-masing tentang hala tuju TPP seperti berikut:

- Kelompok pertama ialah negara-negara seperti Jepun dan New Zealand yang masih berharap TPPA dapat dilaksanakan berdasarkan syarat semasa. Untuk makluman, Jepun dan New

Zealand sudahpun selesai proses ratifikasi dalam negara masing-masing bagi perjanjian TPP.

- Manakala kelompok kedua ialah negara-negara seperti Mexico dan Kanada yang lebih tertumpu kepada hala tuju Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA) yang dijangka akan disemak semula. Ini kerana Presiden Trump telah berulang kali menyatakan hasrat beliau untuk mengkaji semula NAFTA.
- Kelompok ketiga pula meliputi negara-negara seperti Vietnam, Brunei Darussalam dan Singapura yang berpendapat bahawa beberapa perkara di dalam TPPA adalah baik untuk diteruskan dengan pindaan undang-undang walaupun TPPA tidak terlaksana.

4. Sehubungan itu, hala tuju dan kemungkinan pelaksanaan TPP tanpa Amerika Syarikat adalah bergantung kepada perbincangan lanjut antara 11 buah negara anggota TPP yang lain di peringkat Ketua-Ketua Perunding.

5. Di samping itu, antara rancangan alternatif atau strategi yang sedang dilakukan oleh Malaysia untuk mendapatkan akses pasaran tambahan di peringkat global termasuk mengadakan perjanjian FTA dengan negara-negara TPP seperti Mexico, Kanada dan Peru.

6. Malaysia juga akan meneruskan usaha untuk memuktamadkan perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) bersama 15 negara lain yang bertujuan untuk memperkasakan integrasi ekonomi ASEAN. Malaysia menganggap RCEP sebagai pelengkap kepada usaha integrasi ekonomi ASEAN.

7. Di samping itu, Malaysia juga sedang berusaha untuk mengadakan perjanjian perdagangan bebas dengan negara-negara berpotensi yang lain seperti Sri Lanka, Iran dan Kesatuan Eropah (EU).